

BAB KEDUA

KONSEP TARBIYAH DALAM ISLAM

2.1 Pendahuluan

Allah s.w.t telah menurunkan kitab al-Qur'ān al-Karīm melalui Nabi Muhammad s.a.w dengan tujuan untuk mentarbiyah hambanya di alam ini. Sebagai agama yang prihatin dengan tarbiyah, Islam telah menggariskan suatu konsep tarbiyah yang lengkap lagi syumul untuk diikuti oleh manusia ke jalan yang diredhai-Nya.

Perbincangan dalam bab ini adalah untuk mencapai objektif bagi mengetahui konsep tarbiyah dalam Islam. Untuk tujuan tersebut, metode kajian yang digunakan adalah pengumpulan data melalui kajian perpustakaan sebagaimana yang dijelaskan dalam bab satu.

2.2 Pengertian Tarbiyah

Tarbiyah berasal daripada Bahasa Arab yang bermaksud pendidikan,¹ manakala orang yang mendidik pula dinamakan sebagai *murabbī*. Tarbiyah merupakan satu proses mendidik seseorang dengan ilmu dan pemikiran Islam serta melaksanakannya dalam

¹ Tarbiyah berasal daripada tiga kata kerja yang berbeza, iaitu: *Rabā-Yarbū* yang bermakna *namā-yanmū*, iaitu berkembang, *Rabiya-Yarbā* yang bermakna *nasya'a, tara'ra'a*, iaitu tumbuh, dan *Rabbā-Yarubbū* yang bermakna *aṣlahahū, tawallā amrahū, sāsa'ahū, wa qāma 'alaihi, wa rā'ahū*, iaitu memperbaiki, mengurus, memimpin, menjaga dan memeliharanya (mendidik). Rujuk asal kalimah tarbiyah dalam laman web <http://www.muis.gov.sg/webpub/warita/warita1-98/desk.html>.

kehidupan seharian. Tarbiyah bukan sekadar pada aspek teori atau pemikiran sahaja, tetapi turut merangkumi aspek amali, iaitu mengamalkan Islam secara sempurna.²

Menurut ‘Āli Abd al-Halīm Mahmūd,³ *tarbiyah* bererti uslub yang terbaik⁴ di dalam proses berinteraksi dengan fitrah kemanusiaan dalam bentuk pengucapan secara langsung⁵ atau secara tidak langsung⁶ agar masyarakat dapat mengikutinya berdasarkan manhaj atau garis panduan dan *wasīlah-wasīlah khusus* yang tidak bertentangan dengan syariat Allah s.w.t untuk menghasilkan perubahan di dalam diri ke arah yang lebih baik.⁷

2.3 Matlamat Tarbiyah

Tarbiyah bertujuan untuk mendidik masyarakat agar menjadikan Islam sebagai cara hidup dan pegangan mereka serta mengaplikasikannya dalam masyarakat sehingga terserlah sahsiah Islamiyah dalam semua keadaan. Berdasarkan pernyataan tersebut, pengkaji mengklasifikasikan matlamat tarbiyah kepada dua bentuk, iaitu matlamat umum dan khusus.

² Rujuk definisi tarbiyah dalam laman web <http://www.muis.gov.sg/webpub/warita/warita1-98/desk.html>.

³ Beliau adalah anak kepada mantan Syeikh al-Azhar yang ke 46, iaitu al-Imam al-Akbar Dr. Syeikh Abd al-Halīm Mahmūd yang berkhidmat antara tahun 1973-1978. ‘Āli Abd al-Halīm Mahmūd merupakan sebahagian daripada ulama al-Azhar dan menjadi pemimpin kepada gerakan Ikhwān al-Muslimīn di Mesir. Beliau banyak menghasilkan kitab yang menjadi rujukan kepada masyarakat Islam di seluruh dunia, seperti *Wasā'il al-Tarbiyah 'inda al-Ikhwān al-Muslimīn: Dirāsah Tahliyyah Tārīkhiyyah* dan kitab Fiqh Dakwah Muslimah.

⁴ Uslub yang terbaik ialah uslub yang paling utama, bermanfaat dan sesuai. ‘Āli Abdul Halim Mahmud (1993), *op. cit.*, cetakan keenam, h. 15.

⁵ Pengucapan secara langsung dilakukan dengan cara mengajar, mendidik dan membuat persiapan yang bersifat langsung kepada manusia melalui perkataan. *Ibid.*

⁶ Pengucapan secara tidak langsung dilakukan dengan memberikan contoh perbuatan dan teladan melalui perlakuan kebaikan, tingkah laku yang terpuji dan akhlak yang tinggi. *Ibid.*, cetakan keenam, h. 16.

⁷ *Ibid.*, cetakan keenam, h. 15.

2.3.1 Matlamat Umum

Menurut *Kamus Dewan*, matlamat ialah sesuatu yang hendak dicapai,⁸ iaitu hasil daripada proses yang berlaku dalam tarbiyah. Di antara matlamat tarbiyyah secara umum ialah :

(a) Beribadah Kepada Allah s.w.t Berdasarkan Syariat

Beribadah kepada Allah s.w.t berpandukan kepada syariat yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w adalah matlamat umum tarbiyah yang paling utama. Ia hanya dapat dihasilkan melalui gabungan beberapa elemen, seperti iman, Islam, ihsan, adil, amar ma'rūf dan nahi munkar serta jihad fi sabilillah. Ia juga merangkumi perkataan, perbuatan, akhlak dan adab.⁹ Firman Allah s.w.t dalam al-Qur'ān :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

Maksud : *Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan diri kepadaKu.*¹⁰

Menurut Hamka,¹¹ peringatan ini adalah lanjutan daripada ayat sebelumnya, iaitu supaya Rasulullah s.a.w terus memberikan peringatan. Ini kerana peringatan amat besar

⁸ Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), *op. cit.*, edisi keempat, h. 1009.

⁹ Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat (2001), *Manhaj Daurah Tadribiyah*, cetakan pertama, Selangor: Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat, h. 129.

¹⁰ Surah al-Zāriyat 51 : 56.

¹¹ Hamka ialah singkatan daripada nama Haji Abdul Malik bin Haji Abdul Karim. Beliau dilahirkan di Kampung Tanah Sirah (riwayat lain mengatakan di Kampung Molek), Negeri Sungai Batang Maninjau,

manfaatnya kepada orang yang beriman. Maka didatangkanlah ayat ini semata-mata untuk menunjukkan bahawa Allah s.w.t menciptakan jin dan manusia bukan untuk tujuan yang lain, melainkan hanya untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. Menurutny lagi, jika seseorang itu telah mengaku beriman kepada Allah s.w.t, pasti dia tidak akan jadikan kehidupannya kosong sahaja. Oleh itu, ayat ini memberikan peringatan kepada manusia bahawa sedar atau tidak sedar dia pasti mematuhi kehendak Allah s.w.t. Maka jalan yang terbaik bagi manusia ialah menginsafi tujuan dihidupkannya sehingga dia tidak merasa keberatan lagi mengerjakan ibadah kepada Allah s.w.t.¹²

‘Aidh al-Qarnī dalam *al-Tafsīr al-Muyassar* menghuraikan tujuan Allah s.w.t menciptakan jin dan manusia adalah untuk beribadat kepada-Nya dan bukan untuk tujuan yang lain. Mereka juga tidak menyekutukan Allah s.w.t dengan sesuatu. Inilah dakwah yang dibawa oleh para rasul.¹³

Minangkabau pada 14 Muharram 1326H bersamaan 17 Febuari 1908. Bapanya Haji Abdul Karim Amrullah adalah seorang ulama terkenal Minangkabau dan dianggap sebagai tokoh reformasi Islam (kaum muda). Bapa beliau pernah dibuang daerah oleh penjajah Belanda ke Sukabumi dalam tahun 1941 ekoran daripada fatwa beliau yang dianggap membahayakan penjajah dan keselamatan umum. Hamka mendapat pendidikan awal agama dari Madrasah Tawālīb yang didirikan oleh bapanya. Seterusnya, beliau berguru pula kepada Sheikh Ibrahim Musa di Bukit Tinggi. Pada tahun 1924, Hamka berhijrah ke Jawa dan berkesempatan belajar daripada pemimpin gerakan Islam Indonesia, seperti Haji Omar Said Chakraminoto, Haji Fakharudin, Ki Bagus, Hadi Kesumo dan Rashid Sultan Mansur. Keilmuan dan ketokohan yang ada pada beliau mendorong beberapa buah universiti tempatan menawarkan jawatan sebagai pensyarah dalam bidang agama dan falsafah kepada beliau. Antaranya ialah Universiti Islam Jakarta, Universiti Mohamadiah Sumatera Barat, Universiti Islam Pemerintah di Jogjakarta dan Universiti Islam Makasar. Bagi mengiktiraf keilmuannya, Universiti al-Azhar, Mesir telah menganugerahkan Doktor Kehormat pada tahun 1958 kepada beliau. Beliau juga turut menerima ijazah Doktor Persuratan UKM pada 7 Jun 1974. Antara kitab agama dan falsafah yang dikarang oleh beliau ialah *Tafsīr al-Azhar* (30 Juz), *Khaṭīb al-Ummah* (1925), *Tārīkh Abū Bakar al-Ṣiddīq*, *Ringkasan Tarīkh Umat Islam*, *Islam dan Adat Minangkabau*, *Tasawuf Moden*, *Falsafah Hidup*, *Lembaga Hidup* dan *Lembaga Budi*. Rujuk biodata Hamka dalam laman web <http://1puisi.co.cc/biodata-prof-dr-hamka#more.1333>.

¹² Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1982), *Tafsīr al-Azhar*, juzu' 26-28, cetakan kedua, Surabaya: Yayasan Latimojong, h. 50-51.

¹³ Qarnī, ‘Aidh al- (2008), *al-Tafsīr al-Muyassar*, jilid 4, Jakarta: Qisthi Press, h. 190.

Berdasarkan penjelasan tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa hikmat Allah s.w.t menciptakan manusia di alam ini adalah untuk berbakti dan beribadah kepada-Nya. Situasi ubudiah ini hanya wujud jika manusia mengikuti sepenuhnya jalan syariat yang telah dianjurkan oleh Allah s.w.t dan para rasul r.a dengan penuh keimanan dan keyakinan. Kerelaan dalam melaksanakan ubudiah kepada Allah s.w.t akan membawa manusia ke arah keikhlasan dalam beramal ibadat kepada-Nya.

(b) Khilafah Allah s.w.t di Bumi

Hikmat kejadian manusia adalah sebagai khilafah¹⁴ Allah s.w.t di alam ini.¹⁵ Tugas ini hanya dapat direalisasikan dengan memakmurkan bumi Allah s.w.t serta memanfaatkan apa yang diberikan-Nya di dunia ini untuk kegunaan manusia.¹⁶ Perlantikan manusia sebagai khalifah telah dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah :

¹⁴ Menurut Bahasa Arab, al-Khilāfah adalah masdar daripada perkataan *khalafa*. Menurut Ibn al-Manzūr, *Istakhlaḥa fulān min fulān* (seseorang mengangkat si fulan) bererti *ja'alahū makānahū* (ia menetapkan fulan menduduki kedudukannya). Dikatakan, *khalafu fulān* (aku menggantikan fulan); *akhluḥū takhlīfan* (aku menggantikannya sebagai pergantian); *Istakhlaḥtuḥū ana ja'altuhū khalīfati wa astakhliḥū* (aku mengangkatnya, aku menetapkan sebagai penggantikku dan aku mengangkatnya). Oleh itu, khalīfah dari sudut bahasa bermaksud orang yang menggantikan seseorang sebelumnya. Jamak khilāfah ialah khalāif. Manakala Sibawaih pula mengatakan, jamak khilāfah adalah khulafā'. Dalam al-Qur'ān, Allah s.w.t berfirman : *Berkata Musa kepada saudaranya, Harun: "Gantikanlah aku dalam (memimpin) kaumku"* (Surah al-A'rāf 7: 142). Al-Qur'ān juga turut menyebut perkataan khalīfah dalam surat al-Baqarah 2: 30 dan Ṣād 38: 26, perkataan khulafā' sebanyak 3 kali dalam surah al-A'rāf 7: 69, 74, surah al-Naml 27: 62, perkataan khalā'if disebut sebanyak 4 kali dalam surah al-An'ām 6: 145, surah Yūnus 10: 14,73, surah Fāṭir 35: 39 dan beberapa ayat lain. Semuanya membawa maksud pengganti yang menggantikan umat atau pemimpin terdahulu; menggantikan malaikat untuk mengurus bumi atau mendapat amanah dari Allah s.w.t untuk mentadbir bumi. Rujuk definisi khalifah dalam laman web <http://www.facebook.com/pages/Dukung-khilafah-Islamiah-Khilafatul-Muslimin/html>.

¹⁵ Menurut Muhammad Naṣīb al-Rifā'i, konsep khalifah mengharuskan secara pasti tiadanya pihak yang digantikan, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dengan sebab kematian, perpindahan atau mengundurkan diri. Contohnya, seperti dikatakan Abū Bakar r.a adalah khalifah Rasulullah s.a.w, iaitu selepas kewafatan Rasulullah s.a.w.

¹⁶ Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat (2001), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 129.

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۗ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ
فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ



Maksud : *Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat r.a: "Sesungguhnya Aku (Allah s.w.t) hendak menjadikan seorang khalifah di bumi." Mereka berkata: "Mengapa Engkau (Allah s.w.t) hendak menjadikan manusia sebagai khalifah yang akan membuat kerusakan dan menumpahkan darah di bumi, sedangkan kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui".¹⁷*

Syed Qutb dalam *Tafsīr fī Zilāl al-Qur'ān* mentafsirkan bahawa Allah s.w.t menciptakan segala sesuatu di bumi ini untuk manusia. Dalam suasana inilah, datanglah kisah penciptaan Adam a.s untuk menjadi khalifah di bumi dan diberikan kepadanya kunci-Nya menurut perjanjian dan syarat dari Allah s.w.t, serta dikurniakannya pengetahuan untuk menjalankan tugas khalifah ini. Sebelum ini, Allah s.w.t telah mendahului perbincangan tentang pemberian kedudukan dan khalifah kepada Bani Israel di bumi dengan perjanjian Allah s.w.t. Walau bagaimanapun, khalifah kemudiannya dilucutkan dari mereka dan diserahkan kuncinya kepada umat Islam yang menunaikan perjanjian Allah s.w.t.¹⁸

¹⁷ Surah al-Baqarah 2 : 30.

¹⁸ Syed Qutb (2000), *Tafsīr fī Zilāl al-Qur'ān*, jilid pertama, trj. As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil dan Muchotob Hamzah, Jakarta: Gema Insani, h. 67.

Menurut Muhammad Naṣīb al-Rifāʿī, Allah s.w.t memberitahu tentang perlantikan tersebut kepada Bani Adam dan penghormatan kepada mereka dengan membicarakan mereka di *al-Mala'u al-A'lā* sebelum mereka dijadikan. Ketika Allah s.w.t berfirman kepada para Malaikat a.s tentang keinginan untuk menjadikan manusia sebagai khalifah di bumi, iaitu satu kaum yang akan menggantikan antara satu sama lain, kurun demi kurun dan generasi demi generasi sebagaimana Allah s.w.t berfirman dalam surah Fāṭir, ayat 39.¹⁹ Ibn Juraij berkata bahawa sesungguhnya para malaikat a.s itu berkata menurut apa yang telah diberitahukan Allah s.w.t kepada mereka tentang keadaan penciptaan Adam a.s. Maka Malaikat a.s bertanya mengapa Allah s.w.t hendak menjadikan manusia yang akan membuat kerosakan di bumi. Ibn Jarīr berkata, sebahagian ulama menyatakan sesungguhnya Malaikat a.s mengatakan perkara tersebut kerana Allah s.w.t mengizinkan mereka untuk bertanya tentang perkara tersebut setelah diberitahu bahawa khalifah itu terdiri daripada keturunan Nabi Adam a.s.²⁰

‘Aidh al-Qarnī pula menyatakan bahawa Allah s.w.t memberitahu kepada manusia melalui ayat ini bahawa Dia telah memberitahu kepada para Malaikat a.s tentang hasrat untuk menjadikan makhluk yang akan memakmur dan menghidupkan muka bumi dengan iman. Mereka itu adalah Nabi Adam a.s dan seluruh keturunannya. Mereka akan menghuni bumi ini secara bergantian. Selain itu, Allah s.w.t menjadikan alam ini sebagai tempat untuk menguji makhluknya.²¹

¹⁹ Muhammad Naṣīb al-Rifāʿī (1999), *op. cit.*, jilid pertama, h. 103-104.

²⁰ *Ibid.*, jilid pertama, h. 105.

²¹ Qarnī, ‘Aidh al- (2008), *op. cit.*, jilid 1, h. 26.

Berdasarkan pernyataan tersebut, dapatlah dibuat rumusan bahawa manusia adalah makhluk pilihan Allah s.w.t di alam ini. Sesuai dengan pentaklifan sebagai khalifah, maka manusia turut dibekalkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan, kepakaran dan kebolehan agar mereka mampu melaksanakan tugas khalifah dan memakmurkan bumi dengan baik.

(c) Berta'āruf (Berkenalan) Sesama Manusia

Tujuan Allah s.w.t menjadikan manusia secara berpuak-puak dan berqabilah adalah supaya mereka saling berta'āruf dan kenal mengenali antara satu sama lain. Natijah daripada matlamat inilah yang membolehkan agama Allah s.w.t tersebar luas dan manusia menerima Islam sebagai jalan yang lurus dan bersesuaian dengan fitrah mereka.²² *Al-ta'āruf* di kalangan manusia telah disebutkan oleh Allah s.w.t melalui firman-Nya dalam surah al-Hujurāt :

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ

أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ اتَّقَىٰكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksud : *Wahai manusia, sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi*

²² Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat (2001), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 130.

*Allah s.w.t ialah orang yang paling bertaqwa di kalangan kamu.
Sesungguhnya Allah s.w.t Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.*²³

Menurut Hamka, ayat ini boleh ditafsirkan dengan dua tafsiran yang tegas dan nyata. Tafsiran pertama ialah seluruh manusia di alam ini dijadikan pada mulanya daripada seorang lelaki, iaitu Adam a.s dan seorang perempuan, iaitu Siti Hawa a.s. Beliau berdualah manusia yang mula diciptakan dalam dunia ini. Dan tafsiran yang kedua yang secara sederhana, iaitu semua manusia sejak dahulu hingga sekarang terjadi daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, iaitu ayah dan ibu. Maka manusia tidak akan wujud di alam ini kecuali melalui persenyawaan, percampuran dan persetubuhan dengan seorang perempuan yang berkumpul air mani (*nutfah*) dalam rahim perempuan selama 40 hari lamanya, seterusnya menjadi '*alaqah* dan *mudghah*. Lalu jadilah ia sebagai seorang manusia yang ditiupkan nyawa padanya dan lahir ke dunia.²⁴

Menurut 'Aidh al-Qarnī, Allah s.w.t menciptakan manusia dari ayah dan ibu yang satu, iaitu nabi Adam a.s dan Hawa a.s. Asal kejadian manusia adalah sama, oleh itu tidak perlu bagi manusia merasa bangga dengan salasilah keturunannya terhadap sebahagian manusia yang lain. Sebaliknya, tersebarnya keturunan Adam a.s dan Hawa a.s menjadikan manusia pelbagai bangsa dan suku supaya mereka saling kenal mengenali antara satu sama lain. Hanya orang yang paling bertaqwa sahaja yang diiktiraf sebagai orang paling mulia di kalangan manusia kerana kelebihan seseorang manusia diukur dari aspek ketaqwaan kepada Allah s.w.t.²⁵

²³ Surah al-Hujurāt 49 : 13.

²⁴ Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1982), *op. cit.*, juzu' 26-28, cetakan kedua, h. 243-244.

²⁵ Qarnī, 'Aidh al- (2008), *op. cit.*, jilid 4, h. 157-158

Menurut Naşir bin Sulaimān al-Umar, terdapat beberapa pendapat sebab penurunan ayat tersebut. Pendapat pertama mengatakan bahawa ayat tersebut diturunkan mengenai Thābit bin Qais dan seorang lelaki yang tidak mahu memberikan ruang kepada Thābit, lalu Thābit mengucapkan “*Engkau adalah anak si Fulānah*”.²⁶ Pendapat kedua yang diriwayatkan oleh Muqātil dan Ibn Abī Mulaikah pula diturunkan terhadap suatu kaum yang mengejek Bilāl bin Rabāh yang mengumandangkan azan pada hari penaklukan Mekah.²⁷ Manakala pendapat ketiga yang diriwayatkan oleh Yazīd bin Syajarah mengenai seorang budak berkulit hitam yang sakit dan meninggal dunia. Lalu Rasulullah s.a.w memandi, mengkafan dan mengebumikannya. Kemudian peristiwa tersebut diperkatakan oleh kebanyakan sahabat.²⁸

Maka dapat dirumuskan di sini bahawa Islam amat menitikberatkan persoalan hubungan sesama manusia dan hidup bermasyarakat tanpa mengira agama, bangsa, keturunan, budaya, adat dan kedudukan. Ketinggian kedudukan seseorang itu bukan diukur dari aspek kedudukan, darjat dan kuasa, sebaliknya diukur dari aspek ketinggian ketaqwaannya kepada Allah s.w.t.

²⁶ Ibn Hajar dalam *Takhrīj al-Aḥādīs al-Kasysyāf* 4/370. Disebutkan oleh al-Tha’labī yang orang yang mengikutinya, diriwayatkan oleh Ibn Abbās tanpa sanad. Lihat Zād al-Maşīr 7/473.

²⁷ Disebutkan oleh al-Suyūṭī dalam al-Durr al-Maṣṭūr 6/107.

²⁸ Kata Ibn Hajar dalam *Takhrīj al-Aḥādīs al-Kasysyāf* 4/375, disebutkan oleh al-Tha’labī dan al-Wahīdī tanpa sanad. Lihat Zād al-Maşīr 7/473. Umar, Naşir bin Sulaimān al - (2001), *Tafsīr Sūrah al-Ḥujurāt Manhaj Pembentukan Masyarakat Berakhlak Islam*, Jakarta Timur: Pustaka al-Kauthar, h. 22.

(d) Memimpin dan Memerintah Dunia dengan Teguh

Menurut Islam, kepemimpinan atau *imāmah* wajib dibentuk bagi melaksanakan dua tanggungjawab yang besar, iaitu untuk memelihara agama dan menguruskan siyāsah dunia. Memelihara agama bermaksud menjaga, mengembang, mempertahankan dan melaksanakan syariat agama dalam semua bidang kehidupan, sama ada aspek peribadi, keluarga, masyarakat, negara dan dunia seluruhnya. Manakala menguruskan siyāsah dunia pula bererti mengendalikan urusan pentadbiran, pemerintahan dan pembangunan yang melibatkan soal kehidupan, pembangunan material, kemajuan dan peradaban berasaskan kepada nilai-nilai agama dan prinsip-prinsip syariat.²⁹ Firman Allah s.w.t dalam surah al-Nūr :

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا
أَسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن
بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ
هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٥٥﴾

Maksud : *Dan Allah s.w.t telah berjanji kepada orang yang beriman dalam kalangan kamu dan golongan yang mengerjakan amalan yang baik bahawa Dia pasti akan menjadikan mereka sebagai penguasa di bumi, sebagaimana dia telah menjadikan orang sebelum mereka berkuasa, dan*

²⁹ Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op. cit.*, cetakan pertama, h. 97.

Dia juga pasti akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredhai-Nya untuk mereka, dan dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka dalam ketakutan menjadi aman sentosa. Mereka tetap menyembahku-Ku dengan tidak mempersekutukan sesuatu apapun dengan Aku. Dan barangsiapa yang (tetap) kafir sesudah (janji) itu, maka mereka itulah orang yang fasik.³⁰

Menurut Hamka, ayat inilah yang menjadi pegangan Nabi Muhammad s.a.w bersama pengikutnya dari kalangan golongan Muhājirīn dan Ansār selama 10 tahun di Madinah. Ayat ini juga menjadi bekal bagi Abū Bakar al-Ṣiddīq untuk menundukkan golongan murtad pada zaman pemerintahannya dan pegangan Umar bin al-Khaṭṭāb dalam meruntuhkan dua buah kerajaan besar yang berkuasa, iaitu Parsi dan Rom.³¹

‘Aidh al-Qarnī menyatakan dalam *al-Tafsīr al-Muyassar*, Allah s.w.t menjanjikan kemenangan dan kekuasaan kepada orang yang beriman yang soleh dengan menjadikan mereka sebagai pemimpin di bumi sebagaimana Allah s.w.t mengangkat pemimpin yang beriman sebelumnya. Janji Allah s.w.t juga untuk menjadikan agama Islam sebagai agama yang berkuasa dan perkasa serta mengubah perasaan takut hamba-Nya kepada aman ketika mereka memurnikan ketaatan kepada Allah s.w.t, mengesakan Allah s.w.t dalam ibadat, istiqamah dalam agamanya dan tidak menyekutukan-Nya dengan sesiapa.³²

³⁰ Surah al-Nūr 24 : 55.

³¹ Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1982), *op. cit.*, juzu’ 18-21, cetakan kedua, h. 255.

³² Qarnī, ‘Aidh al- (2008), *op. cit.*, jilid 3, h. 137.

Oleh yang demikian, pemimpin Islam yang dipilih sebagai ketua mestilah yakin dan kembali kepada agama Islam tanpa rasa takut dan ragu-ragu terhadap kepemimpinannya kerana Allah s.w.t sentiasa membantu hamba-Nya yang berusaha meneguhkan bumi ini sebagaimana yang dikehendaki oleh syariat.

(e) Menghukum atau Menjalankan Syariat Allah S.W.T di Bumi

Ibn Taimiyah menyebut bahawa syariat Islam didatangkan kepada umat Islam bagi melengkapkan kebaikan dan menyekat keburukan. Perutusan Nabi Muhammad s.a.w merupakan satu rahmat kepada makhluk seluruh alam.³³ Ini sesuai dengan firman Allah s.w.t dalam al-Qur’ān :

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾

Maksud : *Kemudian kami jadikan kamu berada di atas suatu syariat (peraturan) dari urusan (agama itu), maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui.*³⁴

Menurut ‘Aidh al-Qarnī, ayat di atas menjadi bukti bahawa syariat Islam sudah cukup bagi setiap muslim. Mereka wajib mengikutinya dan tidak perlu lagi mengikuti

³³ Zaydān, ‘Abd al-Karīm (2002), *Islam dan Dakwah*, trj. Solehan Ayub, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., h. 336.

³⁴ Surah al-Jāthiyah 45 : 18.

ajaran ataupun agama lain.³⁵ Peraturan yang ditetapkan oleh Islam pasti membawa umatnya ke arah kebaikan dan dapat mencegah umatnya daripada keburukan.

Kewajipan menjalankan syariat Islamiyah merupakan matlamat tarbiyah yang amat besar kerana ia hanya akan tercapai setelah terlaksananya matlamat-matlamat yang telah disebutkan. Hanya dengan terlaksananya hukum dan peraturan Allah s.w.t sahajalah segala kebaikan, keadilan dan kemakmuran dapat dicapai, bukan sahaja untuk orang Islam sahaja, tetapi juga menjadi rahmat kepada sekalian alam.³⁶

Ringkasnya, menghukum dan menjalankan syariah Islamiyah di dunia ini adalah kewajipan yang telah ditaklifkan ke atas hambanya, iaitu manusia. Kewajipan itu tidak akan tercapai tanpa dilaksanakan hukum dan peraturan Allah s.w.t.

2.3.2 Matlamat Khusus

Matlamat tarbiyah secara khusus ialah matlamat tarbiyah yang dicapai dari aspek haraki. Ia terbahagi kepada tiga aspek, iaitu :

³⁵ Qarnī, 'Aidh al- (2008), *op. cit.*, jilid 4, h. 88.

³⁶ Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat (2001), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 132.

(a) Aspek Keahlian

Matlamat tarbiyah dari aspek keahlian adalah untuk melahirkan ahli yang memahami atau bersedia untuk memahami Islam dan perjuangannya sebagaimana yang digariskan di bawah :

- i. Setiap ahli hendaklah memahami bahawa Islam itu ialah agama yang lengkap, merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia, sama ada aqidah dan syariah. Oleh itu, ia mestilah bersedia untuk memantapkan aqidah, ibādah, mu'āmalat dan selainnya selaras dengan kehendak *al-Qur'ān*, *al-Sunnah*, *al-Ijmā'* dan *al-Qiyās*.
- ii. Setiap ahli juga hendaklah memiliki sifat jujur dan ikhlas, sedia berkorban jiwa dan harta, menjalinkan hubungan ukhuwwah sesama ahli, patuh dan taat pada arahan pimpinan dan tetap pendirian dalam perjuangan Islam. Mereka juga mesti membersihkan diri daripada fahaman pemikiran yang tidak Islam.³⁷

(b) Aspek Jama'ah

Matlamat tarbiyah dari sudut jama'ah boleh dihuraikan sebagaimana berikut :

- i. Membekalkan jama'ah dengan ahli yang mempunyai kepakaran dalam bidang dakwah dan penerangan, amal dan harakah, pengurusan dan pentadbiran, politik,

³⁷ Rujuk matlamat khusus tarbiyah dalam laman web <http://pemudapasseremban.net/v4/modules/Tarbiyyah/prinsip.htm>.

- sosial dan kemasyarakatan, ekonomi, akademik, pendidikan, pembinaan dan sukan.
- ii. Membekalkan jama'ah dengan kepimpinan yang baik dan terlatih agar sumber manusia dapat ditempatkan pada tempat yang diperlukan, seperti kepimpinan dalam bidang kerja *fardi* dan *jamā'ī*, kepimpinan dalam bidang kerja sosial dan kepimpinan, kepimpinan dalam bidang kerja politik, ekonomi, pengurusan, pentadbiran, pendidikan dan lain-lain.
 - iii. Membekalkan jama'ah dengan tenaga yang berkemampuan melaksanakan urusan jama'ah dan menangani sebarang anasir luar.
 - iv. Membekalkan jama'ah dengan tenaga yang berkemampuan meneruskan kesinambungan survival jama'ah kepada generasi akan datang.³⁸

(c) Aspek Kemasyarakatan dan Sosial

- i. Menempatkan ahli yang ditarbiyah di sekolah, institusi, universiti, kilang, premis perniagaan, ladang, perbadanan dan agensi kerajaan agar dapat mencurahkan khidmat bakti dan menjadi contoh teladan yang baik kepada masyarakat.
- ii. Melibatkan diri dalam semua aktiviti dan kegiatan masyarakat secara positif.

³⁸ Rujuk matlamat khusus tarbiyah dalam laman web <http://pemudapasseremban.net/v4/modules/Tarbiyyah/prinsip.htm>.

- iii. Memberi penekanan terhadap pelaksanaan kerja mengikut konsep dan etika kerja Islam, iaitu *'ubūdiyyah*, *wājibāt* dan *itqān*.
- iv. Memberi penekanan dan pemerhatian yang khusus kepada masjid serta surau supaya dapat dimakmurkan dengan sebaik mungkin.
- iv. Menceburi kelab-kelab sukan, pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan lain-lain dengan tujuan untuk mengambil manfaat daripada kebaikan yang ada dan memandu mereka ke arah kebaikan serta membuat penambahbaikan pada perkara yang perlu.³⁹

Ringkasnya, tarbiyah Islamiyah secara khusus lebih memfokuskan kepada aspek dalaman dalam sesebuah gerakan. Perkara ini dapat diperhatikan daripada penekanan tarbiyah terhadap ahli, jama'ah dan masyarakat. Ketiga-tiga aspek ini saling berkaitan antara satu sama lain.

2.4 Ciri-Ciri Tarbiyah

Untuk mengetahui ciri-ciri khusus yang terdapat pada tarbiyah Islamiyah, maka pengkaji akan menghuraikan ciri-ciri tersebut secara ringkas berpandukan pandangan para ulama dan *dalīl-dalīl naqlī*.

³⁹ *Ibid.*

2.4.1 Ketuhanan (الربانية)

Al-rabbāniyyah atau ketuhanan dikenali juga sebagai tarbiyah keimanan merupakan ciri-ciri tarbiyah yang paling penting. Ini kerana tujuan utama tarbiyah adalah untuk membentuk manusia yang beriman kepada Allah s.w.t. Mengikut ulama Arab, *al-rabbāniyyah* adalah *maṣḍar sinā'ī* yang berasal daripada kalimah 'al-rabb', kemudian ditambahkan 'alif' dan 'nun' yang dinisbahkan kepada *al-rabb*, iaitu Allah.⁴⁰ *Al-rabbāniyyah* bermaksud agama Islam datang daripada Allah s.w.t.⁴¹ Sementara *Rabbāni* pula dinisbahkan kepada seseorang yang mempunyai hubungan yang erat dengan Allah s.w.t.⁴² Justeru itulah, tarbiyah mesti bersumberkan kepada Allah s.w.t. Manusia pula hanyalah sebagai pelaksana segala ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t.⁴³ Keimanan bukan sekadar ungkapan dengan lidah semata-mata, tetapi ia mesti meresap ke dalam akal, mempengaruhi perasaan dan menggerakkan kemahuan, bahkan merupakan keyakinan hati yang dibuktikan kebenarannya dengan perbuatan. Ciri istimewa yang wujud pada tarbiyah ini menjadikannya berbeza daripada fahaman atau ideologi ciptaan manusia. Sumber bagi fahaman atau ideologi ciptaan manusia ialah manusia, sebaliknya sumber perundangan bagi tarbiyah *Rabbāniyyah* ialah Allah s.w.t.⁴⁴

Allah s.w.t berfirman dalam al-Qur'ān:

⁴⁰ Qaraḍāwi, Yūsuf al- (2003), *al-Khasā'is al-Āmmah li al-Islām*, cetakan keenam, Qāhirah: Maktabah Wahbah, h. 7.

⁴¹ Rujuk Silibus Quranic Group Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PMIUM, h. 2.

⁴² Qaraḍāwi, Yūsuf al- (2003), *op.cit.*, cetakan keenam, h. 7.

⁴³ *Ibid.*, h. 2.

⁴⁴ Zaydān, 'Abd al-Karīm (2002), *op.cit.*, h. 55.

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ؕ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ

وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ؕ أُولَٰئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ ﴿٥٠﴾

Maksudnya : “*Sesungguhnya orang yang beriman hanyalah orang yang percaya kepada Allah s.w.t dan Rasul s.a.w, kemudian mereka tidak ragu-ragu dan berjuang dengan harta benda mereka pada jalan Allah s.w.t, mereka itulah orang yang benar*”.⁴⁵

Menurut Hamka, ayat sebelumnya menceritakan tentang orang Arab Badwi yang mengaku telah beriman kepada Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w, walhal mereka baru sahaja masuk Islam. Justeru itu, dianjurkan kepada mereka supaya mengatakan “saya telah Islam”. Manakala dalam ayat di atas pula diterangkan pula siapa yang layak menyebut dirinya telah beriman, di mana ayat ini menerangkan tentang mutu dan kualiti iman, iaitu percaya yang tidak dicampuri dengan perasaan ragu-ragu. Jika Allah s.w.t berfirman akan memberikan pertolongan kepada orang yang beriman, tetapi perlu diingat bahawa pertolongan akan datang setelah berlalunya pelbagai penderitaan dan ujian daripada Allah s.w.t. Pelbagai ujian yang menimpa para nabi, seperti Nabi Ibrāhīm a.s pernah dibakar hidup-hidup, Nabi Yūsuf a.s dibelenggu dalam penjara selama 9 tahun, Nabi Nūh a.s berdakwah kepada kaumnya selama 950 tahun, Nabi Ayyūb a.s dipencilkan oleh isterinya sendiri akibat penyakit yang dihadapinya, dan Nabi Muhammad s.a.w

⁴⁵ Surah al-Hujurāt 49 : 15.

diancam bunuh dan dihalau dari kampung halaman sendiri selama 10 tahun. Bagi mereka, penderitaan itulah yang akan menjadi *halāwatu al-Īmān*.⁴⁶

‘Aidh al-Qarnī mentafsirkan bahawa orang mukmin dalam ayat di atas sebagai mukmin sejati kerana benar-benar beriman kepada Rabb-Nya, mengikuti Rasulnya dan mentaatinya, serta yakin tanpa ragu-ragu lagi. Mereka membuktikan keimanan itu melalui jihad dengan jiwa dan harta di jalan Allah s.w.t demi meninggikan kalimah Allah s.w.t.⁴⁷

Menurut Naşir Sulaimān al-Umar, Allah s.w.t membuat satu keputusan yang tiada kesamaran dan perdebatan lagi, di mana ungkapan “*mereka itulah orang yang benar*” adalah merujuk kepada “*mereka itulah orang yang jujur*”.⁴⁸

Ringkasnya, tarbiyah yang tidak disertai dengan keimanan adalah tidak menepati kehendak tarbiyah Islamiyah. Mereka akan berada dalam kegagalan dan kekecewaan kerana tidak mendapat bimbingan secara langsung daripada Allah s.w.t.

2.4.2 Sempurna dan Lengkap (التكامل والشمول)

Al-takāmul wa al-syumūl atau *al-syumūliyyah* bermaksud syumulnya Islam. Syumul bukan sahaja dari aspek kerohanian (akhlak), atau aspek teori (akal) sahaja, sebaliknya ia merangkumi segala aspek yang berkaitan dengan Islam.

⁴⁶ Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1982), *op. cit.*, juzu’ 26-28, cetakan kedua, h. 251-252.

⁴⁷ Qarnī, ‘Aidh al- (2008), *op. cit.*, jilid 4, h. 159.

⁴⁸ Umar, Naşir Sulaimān al- (2001), *op. cit.*, h. 66.

Oleh itu, tarbiyah mestilah meliputi gabungan pelbagai tarbiyah, seperti *tarbiyah rabbāniyyah*, *rūhāniyyah* dan *ijtimā'iyah* agar kesyumulan Islam terserlah pada aqīdah, ibādah dan syarī'ah.⁴⁹ Menurut Yūsuf al-Qaraḍāwi,⁵⁰ syumul bermakna tarbiyah itu sesuai untuk dilaksanakan sepanjang zaman untuk mana-mana generasi dan tidak terhenti kepada suatu generasi atau sesuatu zaman sahaja. Jika para nabi terdahulu menyebarkan risalah mereka secara khusus untuk kaum yang tertentu sahaja, tetapi risalah dan tarbiyah yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w pula adalah untuk seluruh umat manusia hingga ke hari kiamat.⁵¹ Firman Allah s.w.t :

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنِ

أَضْطَرَّ فِي مَخْصَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمِهِ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٥١﴾

⁴⁹ Rujuk kertas kerja Projek Pustaka Alaf Azhari Manhal PMRAM, h. 3.

⁵⁰ Beliau dilahirkan di Maḥallah al-Kubrā, Gharbiah, Mesir pada tahun 1926. Pemikir ini menunjukkan ciri-ciri seorang ulama apabila menghafal al-Quran sejak kecil dan sering dipanggil menjadi imam dan menyampaikan syarahan agama di masjid kampungnya. Beliau melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar sehingga ke peringkat Ph.D dalam bidang Fiqh al-Zakāt pada tahun 1973. Beliau banyak terpengaruh dengan pemikiran al-Ghazāli, Ibn Taimiyyah dan Ibn Qayyim. Beliau yang merupakan Presiden Persatuan Ulama Sedunia telah menerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah Peringkat Antarabangsa Kali ke-8 sempena sambutan Ma'al Hijrah 1431/2009 yang telah dikurniakan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin. Beliau juga menjadi ahli beberapa majlis dan yayasan tempatan dan antarabangsa yang memberi tumpuan kepada pemikiran, pengetahuan, hal ehwal Islam dan dakwah. Antaranya ialah Majlis Rābitah al-'Ālam al-Islāmī di Makkah, Majlis Diraja Untuk Pengajian Tamadun Islam di Jordan, Pusat Pengajian Islam di Oxford, Majlis Universiti Islam Antarabangsa Islamabad, Organisasi Dakwah Islam di Khorṭum, Sudan, Majlis Tinggi Pendidikan di Qatar, Majlis Pusat Penyelidikan Tamadun di Qatar, Ahli Lembaga Fiqh Islam di Mekah, Ahli Liga Kesusasteraan Islam, Ahli Gabungan Ekonomi Islam di Qāhirah, Ahli Majlis Dana Islam di Qatar, Ahli Majlis Pengajian Islam Eropah di Perancis, Ahli Yayasan Media Islam Antarabangsa di Islambad, Pakistan dan banyak lagi. Rujuk biodata Yūsuf al-Qaraḍāwi dalam laman web <http://shamsuliskandar.wordpress.com/2010/03/10/biodata-ringkas-sheikh-dr-yusuf-al-qaradhawi/> dan <http://tamanulama.blogspot.com/2010/07/dr-yusuf-al-qaradhawi-sejarah-hidup.html>.

⁵¹ Qaraḍāwi, Yūsuf al- (2003), *op.cit.*, cetakan ke-6, h. 95.

Maksud : ...pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Aku cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Aku redha Islam itu menjadi agama bagimu. Maka barang siapa yang terpaksa⁵² karena kelaparan tanpa sengaja membuat dosa, sesungguhnya Allah s.w.t Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.⁵³

Ibn Qayyim al-Jawziyyah berkata, perhatikan bagaimana Allah s.w.t melengkapkan agama yang dipilihnya dengan sifat kesempurnaan dan mengurniakan nikmat yang dianugerahkan kepada manusia dengan sifat kecukupan. Ini menunjukkan bahawa dalam Islam tiada kekurangan, kecacatan dan keaiban, sebaliknya Islam adalah agama yang sempurna.⁵⁴

Menurut ‘Aidh al-Qarnī, Allah s.w.t telah menjelaskan bahawa orang kafir sudah berputus asa untuk memalingkan orang Islam daripada agamanya. Harapan mereka agar orang Islam meninggalkan agamanya juga sudah pupus. Oleh itu, orang Islam tidak perlu takut kepada mereka sebaliknya perlu takut kepada Allah s.w.t. Ini kerana Allah s.w.t telah menyempurnakan agamanya untuk umat Islam dengan menurunkan al-Qur’ān dan al-sunnah, mengajarkan syariat Islam, dan menjelaskan yang halal dan haram.⁵⁵

Kesimpulannya, Islam adalah agama yang sempurna dan lengkap yang tiada kekurangan dalamnya. Pada pandangan pengkaji, setiap kecacatan dan keaiban yang

⁵² Ayat ini bermaksud dibolehkan memakan makanan yang diharamkan jika berada dalam keadaan mudarat atau terpaksa.

⁵³ Surah al-Mā’idah 5 : 3.

⁵⁴ Jawziyyah, Ibn Qayyim al- (2004), *al-Tafsīr al-Qayyim*, trj. Kathur Suhardi, Darul Fikr, h. 266.

⁵⁵ Qarnī, ‘Aidh al- (2008), *op. cit.*, jilid 1, h. 488.

berlaku bukanlah pada agama Islam, tetapi berpunca daripada kelemahan dan kekurangan pada diri manusia itu sendiri.

2.4.3 Kesederhanaan dan Keseimbangan (الإعتدال والتوازن)

Al-i'tidāl wa al-tawāzun dikenali juga sebagai *al-wasāṭiyyah* atau *al-ta'ādul* yang bermaksud seimbang dan sederhana. Kesederhanaan bermaksud tidak menokok tambah dan sentiasa melaksanakan sesuatu dengan cara yang betul. Ini dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam al-Qur'ān :

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

*Maksud : Dan orang yang apabila membelanjakan (harta), mereka tidak berlebihan, dan tidak (pula) kikir, dan adalah (pembelanjaan itu) di tengah-tengah antara yang demikian.*⁵⁶

Menurut 'Aidh al-Qarnī, orang beriman yang bertaqwa akan berlaku adil ketika menginfakkan sebahagian daripada harta mereka itu dan mengikut tujuan yang sesuai. Mereka tidak berlebih-lebihan (boros) dalam membelanjakan harta dan tidak kikir (kedekut) dalam membelanjakannya. Mereka berada di tengah-tengah antara sifat boros dan kikir. Perjalanan hidup mereka baik, jalan yang mereka tempuhi adalah jalan tengah dan selalu berada di jalan yang lurus dalam semua tindakan.⁵⁷

⁵⁶ Surah al-Furqān 25 : 67.

⁵⁷ Qarnī, 'Aidh al- (2008), *op. cit.*, jilid 3, h. 169.

Dalam ayat ini, Hamka menerangkan sifat seharian *'ibād al-Raḥmān* yang tidak berlebihan dalam menafqahkan harta bendanya sehingga hartanya habis tidak menentu kerana pertimbangan fikiran yang kurang matang dan tidak memikirkan masa hadapan, tetapi tidak pula bersifat kedekut atau kikir melainkan berlaku sama tengah. Maka timbullah kehidupan seorang yang “*qawāman*”, iaitu sama tengah di antara berlebihan dan bakhil yang lahir daripada kecerdasan fikiran yang terdidik.⁵⁸

Berkata masyarakat Arab dalam ungkapan mereka :

وخير الأمور الوسط

Maksud : *Sebaik-baik perkara itu adalah pertengahan.*⁵⁹

Ungkapan di atas menghuraikan tentang kepentingan sifat *al-wasāṭiyyah* dalam semua perkara. Sifat ini dapat memelihara seseorang individu daripada terjerumus ke peringkat *'asabiyah* atau *ta'aṣṣub* yang akhirnya membawa kepada perpecahan dan kehancuran. Konsep *al-wasāṭiyyah* dapat menghindarkan seseorang pekerja dari terjerumus kepada amalan yang tidak sihat, dan tidak beretika seperti pecah amanah, rasuah, ponteng kerja dan lain-lain. Kesederhanaan yang paling baik untuk dijadikan contoh teladan ialah kesederhanaan kehidupan Nabi Muhammad s.a.w. Ketika Islam telah memiliki pengaruh yang begitu kuat dan disegani, dan raja-raja Romawi dikelilingi dengan harta benda, Rasulullah s.a.w masih tidur beralaskan tikar di rumahnya yang

⁵⁸ Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1982), *op. cit.*, juzu' 18-21, cetakan kedua, h. 58-59

⁵⁹ Qaraḏāwi, Yūsuf al- (2003), *op.cit.*, cetakan ke-6, h. 121.

sederhana. Baginda s.a.w akan menampal sendiri pakaian yang koyak tanpa menyuruh isteri baginda melakukan. Beliau juga turut memerah susu kambing untuk keperluan keluarga atau pun untuk dijual. Bahkan dengan wajah yang manis baginda akan membantu isteri di dapur setiap kali pulang ke rumah, apabila dilihat tiada makanan yang siap untuk dimakan.

Sesuai dengan perkara ini, Allah s.w.t berfirman dalam al-Qur'ān :

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ

شَهِيدًا... ﴿١٤٣﴾

Maksud : *Dan demikian (pula) kami telah menjadikan kamu (umat Islam) sebagai umat yang adil dan pilihan⁶⁰ agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu....⁶¹*

'Allāmah Kamāl Faqīh Imānī dalam *Tafsīr Nūr al-Qur'ān* menjelaskan bahawa umat pertengahan adalah dari segala aspek, maksudnya umat yang tidak berlebihan dan tidak buruk serta dapat dijadikan suri teladan. Beliau juga menimbulkan persoalan kenapa kiblat umat Islam berada di tengah. Ini kerana kebanyakan umat Nasrani tinggal di

⁶⁰ Umat Islam dijadikan sebagai umat pilihan yang adil karena mereka akan menjadi saksi atas perbuatan orang yang menyeleweng daripada kebenaran, sama ada di dunia atau pun di akhirat.

⁶¹ Surah al-Baqarah 2 : 143.

negara–negara di sebelah barat kiblat mereka. Namun bagi umat Islam Madinah pada ketika itu, Ka’bah yang berada di antara timur dan barat dianggap sebagai daerah pertengahan.⁶²

Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Bukhāri, Muslim dan Nasā’i daripada Anas r.a., katanya :

Tiga orang lelaki telah datang ke rumah isteri-isteri Rasulullah s.a.w untuk bertanya tentang ibadat baginda. Setelah diberitahu, mereka merasakan ibadat yang mereka lakukan terlalu sedikit. Mereka berkata : *”Tidak mungkin kita sama dengan Nabi Muhammad s.a.w! Dosa Baginda yang lalu dan akan datang telah diampunkan oleh Allah s.w.t”*. Seorang dari mereka kemudian berkata : *”Aku akan mengerjakan solat sepanjang malam seumur hidup”*. Sementara seorang lagi berkata : *”Aku akan berpuasa setiap hari seumur hidup”*. Dan seorang lagi berkata : *”Aku akan menjauhi perempuan dan tidak akan berkahwin selama-lamanya”*. Ketika Rasulullah s.a.w datang, baginda bertanya : *Apakah kamu semua yang berkata begini dan begini? ”Demi Allah! Aku adalah orang yang paling takut kepada Allah s.w.t dan paling bertaqwa kepadanya di antara kalian, akan tetapi aku (kadang-kadang) berpuasa (sunnah) kadang-kadang tidak, aku mengerjakan solat malam dan juga tidur, dan aku juga berkahwin dengan perempuan. Barang siapa yang membenci sunnahku, maka dia tidak termasuk dalam golonganku”*.⁶³

⁶² Allāmah Kamāl Faqīh Imānī (2003), *Tafsīr Nūr al-Qur’ān*, jilid 1, Jakarta: Penerbit al-Huda, h. 370.

⁶³ Bāni, Naṣr al-Dīn al-, *Mukhtasar Saḥīḥ Imām al-Bukhārī*, jilid 3, trj. Abdul Hayyie al-Kattāni, kitab nikah, Jakarta: Gema Insani, h. 408.

Kesimpulannya, sifat sederhana banyak memberikan manfaat kepada manusia. Daripada sifat inilah, maka lahirlah pelbagai sifat *mahmudah* yang lain, seperti merendahkan diri, tidak mementingkan diri, suka bersedekah, bertolak ansur, mendahulukan orang lain, suka membantu, ringan tulang dan hidup harmoni dalam masyarakat.

2.4.4 Persaudaraan dan Jama'ah (الأخوة والجماعة)

Ukhuwwah menurut *Kamus Dewan* ialah persaudaraan atau mereka bekerja seolah-olah dalam satu keluarga yang besar.⁶⁴ *Al-ukhuwwah* dalam Islam bermaksud persaudaraan dan kasih sayang yang bermatlamatkan *maḥabbatillah*. Ia merupakan kurniaan atau anugerah Allah s.w.t kepada hambanya yang ikhlas dan suci.⁶⁵ Firman Allah s.w.t dalam al-Qur'an :

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْ أَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَا أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَكِنَّ

اللَّهُ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٣٢﴾

Maksud : *Dan Allah s.w.t telah menyatukan hati mereka (orang yang beriman),⁶⁶ walaupun kamu membelanjakan semua (kekayaan) yang berada di bumi, nescaya kamu tidak dapat menyatukan hati mereka.*

⁶⁴ Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), *op.cit.*, edisi keempat, h. 1758.

⁶⁵ Rujuk kertas kerja *Kepentingan Ukhuwwah Dalam Islam*, h. 3

⁶⁶ Orang mukmin ialah penduduk Madīnah yang terdiri dari suku 'Aus dan Khazraj yang senantiasa bermusuhan sebelum penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w ke Kota Madīnah. Namun permusuhan itu hilang apabila mereka memeluk agama Islam.

*Tetapi Allah s.w.t telah mempersatukan hati mereka. Sesungguhnya Dia yang Maha Gagah lagi Maha Bijaksana.*⁶⁷

Menurut 'Aidh al-Qarnī, Allah s.w.t telah mempersaudarakan (mempertautkan) hati orang yang beriman, padahal sebelum memeluk Islam mereka saling membenci antara satu sama lain. Sekarang jadilah mereka bersaudara dengan iman dan saling mencintai. Sekiranya Nabi Muhammad s.a.w memberikan semua perbendaharaan di bumi untuk menyatukan semua hati manusia, nescaya tidak mampu melakukannya kecuali dengan iman.⁶⁸

Menurut Muhammad Abdullah al-Khaṭīb,⁶⁹ *al-ukhuwwah* dalam Islam bukanlah percakapan melalui lidah sahaja atau percakapan yang kosong semata-mata, tetapi ia merupakan ikatan hati dan jiwa melalui ikatan yang paling mahal daripada ikatan yang lain. *Ukhuwwah* adalah saudara kepada keimanan, manakala perpecahan pula adalah saudara kepada kekufuran. Kekuatan utama umat Islam adalah berpunca daripada kekuatan perpaduan, di mana perpaduan (وحدة) tidak lahir melainkan dengan kasih sayang semata-mata kerana Allah s.w.t. Tahap ukhuwwah yang paling rendah ialah berlapang dada dan paling tinggi ialah mengutamakan sahabat lebih daripada diri sendiri.⁷⁰

⁶⁷ Surah al-Anf 18 : 63.

⁶⁸ Qarn , 'Aidh al- (2008), *op. cit.*, jilid 2, h. 91-92.

⁶⁹ Beliau ialah tokoh yang bertanggungjawab mengarang kitab ”*Na arāt fi Risālah al-Ta’ālīm*”. Kitab ini banyak digunakan dalam gerakan Islam di seluruh dunia, termasuklah PAS di Malaysia dan diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa. Mohd Nizam bin Mohd Ali bertanggungjawab menterjemahkan kitab ini ke dalam Bahasa Melayu dengan nama “*Penjelasan di Sekitar Risalah Ta’alim*”.

⁷⁰ Rujuk kertas kerja Projek Pustaka Alaf Azhari Manhal PMRAM, h. 4.

Al-ukhuwwah amat penting dalam proses tarbiyah kerana daulah Isl miyyah hanya dapat ditegakkan melalui ikatan persaudaraan yang penuh dengan kasih sayang antara satu sama lain. Melalui ukhuwwah juga akan lahir *rijāl al-dīn* atau pemuda yang berpegang teguh kepada Islam.⁷¹ Pada zaman Rasulullah s.a.w, para pemuda seperti Ab Bakar al- idd q, 'Al bin Ab lib, 'Amm r, Bil l, Mu 'ab dan ramai lagi yang diikat melalui *ukhuwwah* dan *ta'ākhī* sanggup mengorbankan jiwa raga, nyawa, harta benda, masa, tenaga dan fikrah untuk Islam. Dengan *ukhuwwah* juga, para *da'ī* dan *murabbī* akan mendapat suntikan motivasi apabila berhadapan dengan pelbagai ujian, *mehnah* dan tribulasi di dalam perjuangan kerana merasakan tidak berkeseorangan dalam membela agama Islam.⁷² Nabi Muhammad s.a.w pernah bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim yang bermaksud :

"Terdapat tiga golongan manusia yang merasai kemanisan iman, iaitu Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w adalah lebih dikasihi berbanding selainnya, mengasihi seseorang hanya kerana Allah s.w.t, dan benci untuk kembali kepada kekufuran sebagaimana benci dihumbankan ke dalam api neraka".⁷³

Berdasarkan realiti ini, maka pengkaji berpendapat hubungan *ukhuwwah* sesama muslim adalah lebih teguh daripada ikatan kekeluargaan kerana diikat dengan Islam dan Iman yang menjadi tunjang bagi seseorang muslim. Tarbiyah yang dibina atas dasar *ukhuwwah* pasti lebih dekat untuk mencapai kehendak tarbiyah Isl miyah.

⁷¹ *Ibid.*, h. 5.

⁷² *Ibid.*, h. 5.

⁷³ Kha b, Muhammad 'Abdullah al - (2001), *Na arāt fi Risālah al-Ta'ālīm*, trj. Mohd Nizam bin Mohd Ali, cetakan pertama, Selangor: Dewan Pustaka Fajar, h. 333-334.

2.4.5 Kesejagatan (العالمية)

Al-‘ālamīyah bermakna sejagat,⁷⁴ umum⁷⁵ atau sesuai untuk semua orang, tempat, masa dan zaman. Ia bukan untuk satu golongan atau satu bangsa sahaja, sebaliknya sesuai untuk masyarakat dunia yang berbangsa Arab, Melayu, Cina, India dan bangsa-bangsa lain, seperti bangsa Inggeris, Sepanyol, Portugis atau Red Indian yang tinggal di benua Asia, Eropah, Afrika, Amerika dan Australia. Islam juga sesuai untuk semua tempat, sama ada di iklim Khatulistiwa, Kutub Utara, Kutub Selatan dan sebagainya. Islam juga sesuai untuk semua zaman sejak daripada zaman Rasulullah s.a.w lagi sehinggalah zaman teknologi moden dan sains yang serba canggih dan sehinggalah ke hari kiamat.⁷⁶ Firman Allah s.w.t dalam al-Qur’ n :

﴿ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴾

Maksud : *Dan kami tidak mengutus kamu (Nabi Muhammad s.a.w), melainkan sebagai penyampai berita gembira dan pemberi peringatan kepada umat manusia seluruhnya, tetapi kebanyakan manusia tiada mengetahui.*⁷⁷

Menurut ‘Aidh al-Qarn , Allah s.w.t mengutus Nabi Muhammad s.a.w sebagai utusan bagi setiap manusia. Dakwah Rasulullah s.a.w meliputi seluruh makhluk, termasuk jin dan manusia. Nabi Muhammad s.a.w berperanan menyampaikan khabar baik (gembira) bagi orang yang beriman yang berbentuk pahala dan memberikan

⁷⁴ Zayd n, ‘Abd al-Karim (2002), *op.cit.*, h. 66.

⁷⁵ Rujuk kertas kerja *Ciri-Ciri Khusus Islam* oleh Yahya Othman, h. 1.

⁷⁶ Rujuk Silibus Quranic Group Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PMIUM, h. 3.

⁷⁷ Surah Sab ’ 34 : 28.

peringatan keras terhadap orang kafir yang berbentuk azab dan seksaan yang amat pedih.⁷⁸

2.4.6 Realistik (الواقعية)

Al-wāqi'iyyah bermaksud realiti atau realistik. Ia kerana agama Islam adalah agama yang sesuai mengikut suasana dan tempat. Contohnya Islam mewajibkan umatnya menutup aurat, tetapi pelaksanaannya adalah mengikut suasana dan tempat umat Islam tersebut.⁷⁹ *Al-wāqi'iyyah* yang dimaksudkan dalam tarbiyah Islamiyah bukanlah sebagaimana yang dikehendaki oleh sebahagian ahli falsafah Barat daripada golongan *al-mādiyyīn* atau *al-waḍi'īn* yang menafikan semua benda yang tidak boleh dirasai oleh pancaindera atau percaya hanya kepada benda-benda maujud yang boleh dirasai sahaja.⁸⁰ Sebaliknya, Islam meraikan benda *wāqi'* yang realiti tanpa menafikan apa yang telah ditetapkan oleh wahyu, akal dan fitrah, sebagaimana hubungan antara roh dengan manusia. Perutusan Nabi Muhammad s.a.w sebagai Rasul, penurunan kitab al-Qur'ān al-Karīm dan kehidupan di akhirat adalah sebahagian daripada aqā'id yang *wāqi'*.

Kerana itulah Islam memerintahkan ibu bapa agar mendidik anak mereka dengan didikan yang baik. Firman Allah s.w.t :

⁷⁸ Qarn , 'Aidh al- (2008), *op. cit.*, jilid 3, h. 448.

⁷⁹ Rujuk kertas kerja Projek Pustaka Alaf Azhari Manhal PMRAM, h. 4.

⁸⁰ Qarāwi, Yusuf al- (2003), *op.cit.*, cetakan ke-6, h. 95.

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوًا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ

غِلَظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦١﴾

Maksud : *Wahai orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada azab api neraka, di mana bahan bakarnya adalah terdiri daripada manusia dan batu, penjaganya terdiri daripada para malaikat a.s yang tegas, kasar, keras, dan tidak menderhakai Allah s.w.t terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.*⁸¹

Bachtiar Surin dalam *al-Kanz* menyatakan bahawa senjata paling ampuh untuk memelihara diri daripada seksaan neraka ialah dengan mengerjakan perintah Allah s.w.t dan menghentikan larangannya.⁸² Menurut Hamka pula, ayat ini memberikan peringatan kepada orang yang beriman bahawa mengaku beriman sahaja masih tidak cukup jika tidak memelihara diri sendiri dan keluarga daripada seksaan yang amat pedih. Iman dan Islam akan lahir daripada rumah tangga dan seterusnya akan membentuk umat. Umat inilah yang akan membina masyarakat Islam.⁸³

Hasil penelitian pengkaji, tarbiyah yang bercorak realistik yang dikehendaki di sini ialah tarbiyah yang berbentuk duniawi dan ukhrawi, bukan sahaja tarbiyah untuk diri sendiri, tetapi juga keluarga dan masyarakat.

⁸¹ Surah al-Ta r m 66 : 6.

⁸² Bachtiar Surin (2002), *al-Kanz - Terjemah dan Tafsir al-Qur'an*, jilid 3, Bandung: Penerbit Titian Ilmu, h. 1965.

⁸³ Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1982), *op. cit.*, juzu' 26-28, cetakan kedua, h. 370.

2.4.7 Tetap dan Fleksibel (الثبات والمرونة)

Thabāt dan *murūnah* bermaksud tetap dari segi prinsip dan hukum, tetapi anjal atau fleksibel dari segi perlaksanaannya.⁸⁴ Secara umumnya, pengkaji mengelaskan *thabāt* dan *murūnah* sebagai berikut :

- (a) *Thabāt* dalam aspek tujuan dan matlamat, manakala *murūnah* dalam perkara berkaitan *wasīlah* dan *uslūb*.
- (b) *Thabāt* dalam perkara *usūl* dan *kulliyah*, tetapi *murūnah* dalam perkara *furū'* dan juzuk.
- (c) *Thabāt* dalam perkara melibatkan nilai-nilai keagamaan dan akhlak, tetapi *murūnah* dalam aspek keduniaan dan alam semasa.

Contohnya, solat far u lima waktu adalah wajib, dan perlaksanaannya boleh dibuat secara *jama'* dan *qaṣar* bagi mereka yang bermusafir. Begitu juga ketika sakit, solat boleh dilakukan secara duduk atau tidur.⁸⁵ Di dalam al-Qur' n banyak disebut tentang perkara melibatkan *thabāt* dan *murūnah* seperti firman Allah s.w.t :

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أَلْمَيْتَةُ وَالِدَمُّ وَحَلْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ

وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبْعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ

⁸⁴ Rujuk Silibus Quranic Group Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PMIUM, h. 4.

⁸⁵ *Ibid.*, h. 4.

وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَمِ ۚ ذَلِكُمْ فِسْقٌ ۗ الْيَوْمَ يَئِسَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا

تَخْشَوهُمْ وَأَحْشَوْنَ ۗ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ

الْإِسْلَامَ دِينًا ۗ

Maksud : *Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah,⁸⁶ daging babi, (daging haiwan) yang disembelih bukan kerana Allah s.w.t, yang tercekik, yang terpukul, yang jatuh, yang ditanduk, dan diterkam oleh binatang buas, kecuali yang sempat kamu menyembelinya,⁸⁷ dan (diharamkan bagimu) yang disembelih untuk sembahhan berhala. Dan (diharamkan juga) mengundi nasib dengan anak panah,⁸⁸ (mengundi nasib dengan anak panah itu) adalah perkara fasiq. Pada hari ini⁸⁹ orang kafir telah putus asa untuk (mengalahkan) agamamu, sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada-Ku. Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agamamu, dan Aku telah cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan Aku redha Islam itu menjadi agama bagimu.⁹⁰*

Bagaimanapun, *murūnah* didatangkan dalam ayat berikutnya :

⁸⁶ Darah yang keluar dari tubuh, sebagaimana tersebut dalam surat al-An' m, ayat 145.

⁸⁷ Binatang yang tercekik, yang dipukul, yang jatuh, yang ditanduk dan yang diterkam binatang buas adalah menjadi halal sekiranya sempat disembelih secara Islam sebelum mati.

⁸⁸ *Al-Azlam* ertinya: anak panah yang belum diletakkan bulu pada batangnya. Orang Arab pada zaman Jahiliyah menggunakan anak panah tersebut untuk menentukan apakah mereka akan melakukan suatu perbuatan atau tidak. Caranya ialah dengan mengambil tiga batang anak panah. Setelah ditulis masing-masing dengan perkataan, iaitu lakukanlah, jangan lakukan, dan tidak ditulis apa-apa, anak panah tersebut diletakkan dalam sebuah bekas dan disimpan dalam Ka'bah. Apabila mereka hendak melakukan sesuatu, maka mereka meminta supaya pemegang kunci ka'bah mengambil sebuah anak panah itu. Terserahlah nanti apakah mereka akan melakukan atau tidak melakukan sesuatu, sesuai dengan tulisan anak panah yang diambil itu. Kalau anak panah yang terambil adalah tiada tulisan, maka mereka akan mengulang undian tersebut sekali lagi.

⁸⁹ Hari dalam ayat di atas bermaksud masa, iaitu masa haji wid ' (haji terakhir yang dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w).

⁹⁰ Surah al-M 'idah 5 : 3.

فَمَنْ أَضْطُرَّ فِي مَحْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمِهِ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٥١﴾

Maksud : Maka barang siapa yang terpaksa⁹¹ karena kelaparan tanpa sengaja mahu berbuat dosa, sesungguhnya Allah s.w.t Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.⁹²

Dalam *Tafsīr al-Qurtubī* disebutkan bahawa telah menjadi amalan kebiasaan dalam kalangan sebahagian masyarakat Arab memukul beberapa jenis haiwan sehingga mati kerana berhala-berhala mereka dan menganggap perbuatan tersebut sebagai satu ibadah. Kemudiannya, datang larangan daripada al-Qur' n yang mengharamkan manusia daripada memakan haiwan yang tidak disembelih dengan hukum Islam. Walau bagaimanapun, datang pula *murūnah* ke atas umat Islam sekiranya mereka berada dalam keadaan *darūrāt* (terpaksa).

2.4.8 Kemanusiaan (الإنسانية)

Agama Islam amat prihatin terhadap perselisihan di kalangan manusia⁹³ yang sudah jelas sejak semulajadi dan berlarutan hingga kini, seperti perselisihan dalam perkara aq dah, ib dah dan syar 'ah kerana Islam adalah agama manusia (*dīn al-insān*).

Firman Allah s.w.t :

⁹¹ Orang yang terpaksa dalam ayat di atas ialah orang yang dibolehkan memakan makanan yang diharamkan bagi meneruskan kelangsungan hidup di alam ini, jika berada dalam keadaan terpaksa.

⁹² Surah al-M 'idah 5 : 3.

⁹³ Insan ialah sebahagian daripada makhluk baru yang diciptakan oleh Allah s.w.t. Setiap makhluk pasti berhubung secara langsung dengan penciptanya.

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ وَلَمْ يَكُن لَّهُ كُفُوًا أَحَدٌ



Maksud : *Katakanlah wahai Muhammad : "Dialah Allah s.w.t yang Maha Esa. Allah s.w.t adalah tuhan yang menjadi tempat bergantung kepada-Nya segala sesuatu. Dia tiada beranak dan tidak pula diperanakkan, dan tidak ada seorang pun yang setara (sama) dengan-Nya".*⁹⁴

Muhammad Na b al-Rif ' dalam mentafsirkan perkataan *al-Şamad* menyatakan bahawa Ibnu Abb s ada mengatakan : *al-Şamad* bermaksud semua makhluk di dunia ini akan menyandarkan diri kepada-Nya dalam semua keadaan dan permasalahan mereka. Mereka mengatakan *al-Şamad* itu adalah Yang Dipertuan yang tidak dikongkong, tidak makan dan minum, serta akan kekal wujud walau pun makhluknya telah tiada.⁹⁵

Menurut Bachtiar Surin, surah ini adalah perkara pokok yang bersifat ketuhanan dan merupakan kesimpulan tauhid. Diceritakan oleh al- u k, bahawa kaum Musyrikin Mekah telah mengirim Am r bin uffail untuk membawa pesanan kepada Rasulullah s.a.w. Katanya: *"Wahai Muhammad, engkau telah merosakkan kepercayaan kami dan mengingkari agama nenek moyang kamu. Jika engkau gila, kami akan ubati kamu dan jika kamu mahu perempuan, kami akan kahwinkan kamu.* Jawab Rasulullah s.a.w: *Aku*

⁹⁴ Surah al-Ikhl 112 : 1 – 4.

⁹⁵ Muhammad Na b al-Rif ' (1999), *op. cit.*, jilid 4, cetakan pertama, h. 1076.

*tidak miskin, bukan gila dan tidak inginkan perempuan. Aku adalah utusan Allah s.w.t yang mengajak kamu sekalian untuk menyembah-Nya.*⁹⁶

Ab al-Syaikh meriwayatkan dalam kitab al-'Aamah dari Aban dari Anas yang berkata : Suatu ketika, orang Yahudi Bani Khaibar datang kepada Rasulullah s.a.w seraya berkata: *Wahai Abū al-Qāsim, Allah s.w.t telah menciptakan Malaikat a.s dari cahayanya, Nabi Adam a.s dari tanah liat yang dibentuk, iblis dari api, langit dari awan dan bumi dari buih air. Oleh kerana itu, beritahulah kepada kami bagaimana hakikat tuhanmu itu?* Rasulullah s.a.w tidak menjawab soalan tersebut sehinggalah Jibril a.s datang membawa surah ini.⁹⁷

Tarbiyah Islamiyah amat prihatin terhadap unsur *al-insāniyah* kerana berkehendaknya manusia kepada penciptanya. Kebanyakan manusia menyangka *al-insāniyah* tidak kaitan dengan *al-rabbāniyah*, bahkan saling bercanggah antara satu sama lain dan tidak boleh berkumpul antara unsur kemanusiaan dan ketuhanan. Namun, jika dirujuk kepada ciri-ciri *al-rabbāniyah* yang pertama, iaitu *rabbāniyah al-ghāyah wa al-wajhah*, pasti kita mengkehendaki hubungan yang elok antara insan dengan Allah s.w.t dan mengharap keredhaan-Nya dalam *ghāyah* atau tujuan manusia tadi. Manakala *rabbāniyah al-maṣḍar wa al-manhaj* pula bermaksud Islam adalah *manhaj Ilāhī* (Allah s.w.t), di mana pengagasnya adalah Allah s.w.t, manakala Nabi Muhammad s.a.w pula sebagai *muballigh* (penyampai risalah daripada-Nya). Manusia tidak boleh dinamakan sebagai *al-insāniyah* sekiranya terpisah dengan Allah s.w.t. Selain daripada manusia

⁹⁶ Bachtiar Surin (2002), *op. cit.*, jilid 3, h. 2192.

⁹⁷ Suy , Jal 1 al-D n al- (2008), *Lubāb al-Nuqūl fi Asbābu al-Nuzūl*, trj. Tim Abdul Hayyie, cetakan pertama, Jakarta: Gema Insani, h. 650.

sebagai insan, manusia juga memerlukan kitab al-Qur' n (*kitāb al-Insān*), dan rasul (*rasūl al-insān*). Oleh sebab itulah setiap manusia perlu mempunyai ciri-ciri *al-insāniyah* dalam semua aspek.⁹⁸ Buktinya ialah penghargaan daripada Allah s.w.t kepada insan *al-insāniyah* apabila melantiknya sebagai khalifah di bumi,⁹⁹ menciptakan manusia dalam sebaik-baik kejadian,¹⁰⁰ memuliakan manusia dalam unsur roh,¹⁰¹ dan menjadikan alam ini sebagai khidmat untuk manusia.¹⁰²

Kesimpulannya, tarbiyah yang berunsurkan kemanusiaan adalah lebih dekat kepada manusia, sebagaimana Allah s.w.t melantik para Rasul-Nya dalam kalangan manusia agar menjadi contoh teladan dan petunjuk kepada manusia, dan seterusnya dapat diikuti oleh manusia seluruhnya.

2.4.9 Pelaksanaan Secara Keseluruhan (الإنقلابية)

Al-inqilābiyyah ialah melaksanakan perubahan dengan mencabut jahiliyah dari akar umbinya, meruntuhkannya dan menegakkan Islam di atas keruntuhan jahiliyah. Tarbiyah Isl miyyah adalah bersikap *tajarrud*, iaitu membebaskan diri daripada prinsip, ideologi, isme dan fahaman lain selain Islam.¹⁰³ Firman Allah s.w.t :

⁹⁸ Qara wi, Y suf al- (2003), *op.cit.*, cetakan keenam, h. 50.

⁹⁹ *Ibid.*, h. 66.

¹⁰⁰ *Ibid.*, h. 67.

¹⁰¹ *Ibid.*

¹⁰² *Ibid.*, h. 68.

¹⁰³ Rujuk kertas kerja Fikrah Perjuangan Islam oleh Yahya Othman, h. 10.

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اَدْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ

لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٠٨﴾

Maksud : *Wahai orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam agama Islam secara keseluruhan, dan janganlah kamu mengikut langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu.*¹⁰⁴

Menurut Syed Qu b, Allah s.w.t menyeru orang yang beriman supaya melakukan penyerahan secara menyeluruh kepada-Nya, tanpa ragu-ragu, tanpa berpaling dan tanpa menunggu sesuatu yang luar biasa, seperti mukjizat, seperti kelakuan Bani Isr 1 ketika mereka menerima nikmat Allah s.w.t dan mengingkarinya. Dan penyerahan diri kepada Allah s.w.t dikenali sebagai “masuk Islam”.¹⁰⁵

M. Quraishy Shih b dalam *Tafsīr al-Miṣbāh* menghuraikan ayat di atas menuntut setiap orang yang beriman agar melaksanakan seluruh agama Islam. Jangan hanya percaya dan mengamalkan sebahagian ajarannya dan mengabaikan sebahagian yang lain. Perkataan *al-silmi* diterjemahkan sebagai kedamaian (Islam). Manakala perkataan *kāffah* pula bermaksud menyeluruh tanpa kecuali.¹⁰⁶

Menurut ‘Aidh al-Qarn , orang yang beriman hendaklah menerima agama Islam dengan sepenuh hati, menerima seluruh syariat, hukum dan sunnahnya. Tidak sesekali

¹⁰⁴ Surah al-Baqarah 2 : 208.

¹⁰⁵ Syed Qu b (2000), *op. cit.*, jilid pertama, h. 242.

¹⁰⁶ M. Quraish Shih b (2000), *Tafsīr al-Miṣbāh - Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur’ān*, cetakan pertama, jilid pertama, Ciputat Indonesia: Penerbit Lentera Hati, h. 419-420.

membeza-bezakan hukum itu dengan hanya melaksanakan sebahagian sahaja dan meninggalkan sebahagian larangannya.¹⁰⁷

Berdasarkan penjelasan tersebut, tarbiyah yang bersifat *inqilābiyah* adalah tarbiyah yang sebenar kerana menerima Islam seluruhnya tanpa mempertikaikan sebahagian yang lain. Inilah tarbiyah Islamiyah yang menuntut hambanya supaya melaksanakan tuntutan agama dan menegakkan Islam yang bebas daripada sebarang fahaman dan ideologi lain tanpa ragu-ragu.

2.4.10 Positif dan Membangun (الإيجابيات والبناء)

Hukum hakam dalam Islam bukan sahaja mengandungi nasihat dan tunjuk ajar, malah turut mengandungi ganjaran atau balasan yang berupa pahala atau dosa. Di sebalik tunjuk ajar dan nasihat yang terkandung dalam hukum hakam Islam itu, ganjaran pahala yang dijanjikan adalah bagi manusia yang melaksanakan perintah Allah s.w.t, manakala balasan dosa adalah bagi manusia yang melanggar dan ingkar perintahnya.

Secara umumnya, ganjaran pahala atau balasan azab ini diberikan di akhirat dan bukannya di dunia. Walau bagaimanapun, oleh kerana wujudnya keperluan bagi menjamin kestabilan masyarakat dan perlunya satu sistem bagi mengatur hubungan antara individu dalam bentuk yang lebih teratur dan berkesan bagi menjamin hak-hak individu, ini menuntut supaya wujudnya hukuman di dunia selain daripada hukuman di

¹⁰⁷ Qarn , ‘Aidh al- (2008), *op. cit.*, jilid pertama, h. 160.

akhirat. Dengan kata lain, pemimpin negara perlu melaksanakan hukuman di dunia kepada mana-mana individu yang melanggar hukum hakam Islam.

Memandangkan ruang lingkup Islam amat luas atau syumul dalam pelbagai aspek kehidupan manusia, maka konsep ganjaran dan balasan merangkumi aspek aq dah, ib dah, syar 'ah, mu' malat dan akhl k. Setiap pelanggaran terhadap aspek ini pasti dibalas di akhirat dan berkemungkinan berkaitan juga dengan ganjaran atau balasan di dunia. Hukuman yang dijalankan di dunia tidak akan memansuhkan hukuman di akhirat kecuali melalui taubat nasuha yang hanya sah sekiranya pesalah benar-benar menyesal dengan perbuatan yang dilakukan dan berazam tidak akan mengulangi kesalahan sama yang dilakukan, di samping mengembalikan semua hak orang lain jika kesalahan yang dilakukan melibatkan hak orang lain.

Hukuman di akhirat mendorong seseorang individu muslim untuk tunduk dan patuh kepada hukum hakam dan syariat Islam secara sukarela. Tidak kira sama ada ketika di khalayak ramai atau berseorangan kerana takutkan hukuman Allah s.w.t. Walau pun seseorang individu mungkin boleh melarikan diri dari hukuman di dunia, tetapi dia memahami bahawa hukuman di akhirat pasti sedang menantinya. Oleh itu, apabila seseorang muslim melakukan sesuatu jenayah atau kesalahan kerana kelemahan imannya sendiri, individu tersebut menuntut agar dijalankan hukuman ke atas dirinya, sebagaimana M 'iz membuat pengakuan di hadapan Rasulullah s.a.w bahawa beliau telah melakukan kesalahan zina. Beliau menuntut agar dijalankan hukuman hudud ke atas dirinya. Ini membuktikan hukuman akhirat berjaya menghalang manusia daripada

melanggar undang-undang Islam. Tindakan ini mungkin didorong oleh rasa hormat dan malu kepada Allah s.w.t atau perasaan takut kepada azab-Nya.¹⁰⁸ Firman Allah s.w.t dalam surah al-Zalzalah :

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾

Maksud : *Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan walau pun seberat zarah, nescaya dia akan dapat melihatnya (mendapat ganjaran). Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan walau pun sebesar zarah, nescaya dia akan melihatnya (mendapat balasan) pula.*¹⁰⁹

Menurut H. Mahmud Yunus, ayat 7 dan 8 dalam surah berkenaan menerangkan tentang hukuman Allah s.w.t yang maha adil. Barang siapa yang membuat kebaikan walau pun sebesar debu yang halus, nescaya Allah s.w.t akan membalas kebaikannya itu. Begitu juga sekiranya ia membuat kejahatan, maka Allah s.w.t akan membalas kejahatannya, kecuali sekiranya ia bertaubat kepada Allah s.w.t, iaitu menyesal atas segala perbuatan dosa yang telah lalu dan bercita-cita tidak akan kembali membuat dosa selama-lamanya.¹¹⁰

Kesimpulannya, tarbiyah Islamiyah adalah tarbiyah yang positif dan membina. Ini kerana Islam itu adalah nasihat. Segala nasihat, tunjuk ajar dan teguran adalah untuk kebaikan manusia seluruhnya dan akan dibalas dengan balasan yang setimpal. Allah s.w.t

¹⁰⁸ Zayd n, 'Abd al-Karim (2002), *op.cit.*, h. 80.

¹⁰⁹ Surah al-Zalzalah 99 : 7 – 8.

¹¹⁰ H. Mahmud Yunus (1973), *Tafsīr Qur'ān Karīm*, Jakarta: P.T. Hidakarya Agung, h. 914.

Maha Adil apabila mengurniakan ganjaran pahala kepada hambanya yang melakukan kebaikan dan membalas kejahatan yang dilakukan dengan dosa. Ganjaran tersebut akan memberikan suntikan motivasi kepada manusia untuk terus memperbanyakkan amalan kebaikan.

2.5 Bentuk-Bentuk Tarbiyah

Bagi melengkapi ciri-ciri tarbiyah yang telah disebutkan, maka tarbiah Islamiah memfokuskan kepada aspek yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Oleh itu, tarbiah Islamiah mestilah merangkumi bentuk-bentuk yang berikut :

- i. Tarbiyah m niah (تربية إيمانية)
- ii. Tarbiyah R hiyah (تربية روحية)
- iii. Tarbiyah Kemasyarakatan (تربية إجتماعية)
- iv. Tarbiyah Akal (تربية عقلية)
- v. Tarbiyah Fizikal (تربية جسمية أو بدنية)
- vi. Tarbiyah Politik (تربية سياسية)
- vii. Tarbiyah Thaq fiyah (تربية ثقافية)
- viii. Tarbiyah Akhlak (تربية خلقية)

2.5.1 Tarbiyah Īmaniah (تربية إيمانية)

Īmāniyyah berasal daripada perkataan 'īmān'. Menurut al-Qara w , iman ialah kepercayaan yang meresap ke dalam hati, dengan penuh keyakinan, tidak bercampur antara syak dan ragu, serta boleh memberikan pengaruh bagi pandangan hidup, tingkah laku dan perbuatan seharian. Justeru itu, iman bukanlah semata-mata pengucapan dengan lidah, bukan sekadar perbuatan dan bukan hanya pengetahuan tentang rukun iman sahaja.¹¹¹ Menurut al-Maud d , iman adalah ilmu, mengenal dan yakin. Manakala setiap orang yang mengenal keesaan Allah s.w.t, sifat-sifatnya yang hakiki, undang-undangnya, pembalasan kepada hamba-hambanya pada hari Qiamat terhadap perbuatan mereka, kemudiannya diyakininya semua itu dengan keyakinan yang tumbuh dari keputusannya sendiri, maka seseorang itu dikenali sebagai "mukmin".¹¹² Iman bukanlah pernyataan dengan lidah semata-mata sebagaimana dakwaan golongan munafiq bahawa mereka adalah orang beriman kerana ramai yang mengaku beriman dengan lidah, sedangkan hati mereka tidak yakin atau percaya kepada Allah s.w.t. Perkara ini dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam al-Qur' n:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٨٠﴾ تَخَذَعُونَ

اللَّهِ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَمَا تَخَذَعُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٨١﴾

¹¹¹ Qara w , Yusuf al- (2001), *Al-Īmān wa al-Hayāh – Iman dan Kehidupan*, trj. Fachruddin HS., h. 3, Selangor: Dewan Pustaka Fajar.

¹¹² Maud d , Ab al-'Al al- (1988), *Asas-Asas Islam*, cetakan keempat, h. 32, Selangor: Dewan Pustaka Fajar.

Maksud : *Dalam kalangan manusia itu ada yang mengatakan : "Kami beriman kepada Allah s.w.t dan hari kemudian",¹¹³ pada hal sebenarnya mereka itu bukanlah orang-orang yang beriman. Mereka hendak menipu Allah s.w.t dan orang-orang yang beriman. Mereka sebenarnya hanya menipu diri mereka sendiri sedangkan mereka tidak sedar.¹¹⁴*

Menurut Syed Qu b dalam tafsirnya, golongan munafiq menyangka bahawa mereka itu adalah orang yang cerdas dan pandai serta mampu melakukan tipu daya serta rekaan terhadap orang mukmin, akan tetapi al-Qur' n telah menjelaskan hakikat perbuatan mereka. Sebenarnya mereka bukan sahaja menipu orang mukmin sahaja, sebaliknya menipu Allah s.w.t atau cuba menipunya.¹¹⁵

Menurut Muhammad Na b al-Rif ' , *nifaaq* ertinya menampakkan kebaikan dan menyembunyikan kejahatan. *Nifaaq* terbahagi kepada dua jenis, iaitu *nifaaq keyakinan* (mengekalakan pelakunya di dalam neraka) dan *nifaaq perbuatan*. Ia termasuk dosa yang sangat besar. Sifat-sifat kaum munafiq terdapat dalam surah-surah yang diturunkan di Madinah kerana di Mekah tidak wujud golongan tersebut.¹¹⁶

Tarbiyah imāniyyah dikenali sebagai tarbiyah aq dah kerana hubungan antara iman dan aqidah yang saling berkaitan. Tarbiyah m niyyah merupakan tarbiyah paling

¹¹³ Hari kemudian atau Hari Kiamat bermula apabila sejak makhluk dikumpulkan di padang mahsyar sehinggalah waktu yang tidak ditentukan masanya.

¹¹⁴ Surah al-Baqarah 2 : 8 – 9.

¹¹⁵ Syed Qu b (2000), *op. cit.*, jilid pertama, h. 51.

¹¹⁶ Muhammad Na b al-Rif ' (1999), *op. cit.*, jilid pertama, h. 79-80.

utama kerana tarbiyah ini berusaha ke arah menguatkan lagi keyakinan dalam hati setiap individu dan jemaah terhadap kebesaran dan kekuasaan Allah s.w.t.¹¹⁷

Kesimpulan daripada pendapat di atas, pengkaji berpandangan tarbiyah m niyyah merupakan tarbiyah paling utama, kerana tanpa iman, manusia pasti tidak mampu mentarbiyah ruh, akal, fizikal dan sebagainya.

2.5.2 Tarbiyah Rūhiyah (تربية روحية)

Tarbiyah rūhiyah adalah bertujuan mendidik umat Islam agar senantiasa beriltizam dengan amalan ibadah sehingga dapat merasakan nikmat dan kepuasan jiwa, sentiasa gemar melakukan amalan-amalan tersebut serta dapat membentuk kekuatan hati melalui didikan ibadah.¹¹⁸

Sekiranya tarbiyah m niyyah berusaha ke arah menguatkan lagi keyakinan dalam hati setiap individu dan jemaah terhadap kebesaran dan kekuasaan Allah s.w.t, maka *tarbiyah rūhiyah* pula adalah merupakan lanjutan kepada *tarbiyah īmāniyyah*, iaitu suatu usaha ke arah menguatkan lagi hubungan antara makhluk dengan pencipta (*al-Khāliq*) sehinggalah seseorang muslim itu mencapai satu peringkat *makrifah rūhiyah*. Dengan tarbiyah tersebut, seseorang muslim itu dapat mensucikan diri daripada segala kekotoran dan menjadikan dirinya dalam keadaan senantiasa beramal yang mendekatkan diri kepada

¹¹⁷ Rujuk kertas kerja Tarbiyah Rūhiyah Dalam Membentuk Generasi Unggul, h. 3.

¹¹⁸ Rujuk tujuan tarbiyah rūhiyah dalam laman web <http://www.muis.gov.sg/webpub/warita/warita1-98/desk.html>

Allah s.w.t. Hasilnya, akan terserlahlah kesan tarbiyah pada perkataan dan amalannya.¹¹⁹

Ruh dalam Islam mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah s.w.t, walaupun manusia mempunyai kejadian yang hampir sama dengan makhluk lain dari segi pembentukan anggota badan dan kehidupan, namun manusia mempunyai keistimewaan yang tidak terdapat pada makhluk yang lain, di mana Allah s.w.t meniupkan ruh ketika kejadian manusia seterusnya menjadikan manusia makhluk yang unggul dan mempunyai kemuliaan di sisi Allah s.w.t berbanding dengan makhluk yang lain. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Hijr :

فَإِذَا سَوَّيْتُهُمْ وَنَفَخْتُ فِيهِمْ مِنْ رُوحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ ﴿١٦﴾

Maksud : *Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya (manusia), dan telah meniupkan ke dalamnya ruh (ciptaan-Ku), Maka tunduklah kamu kepada-Nya dengan bersujud.*¹²⁰

Teungku Muhammad Hasbi al- idd q mentafsirkan ayat ini dengan menyebut, apabila Allah s.w.t telah menyempurnakan kejadian manusia dengan sebaik-baiknya dan ditiup ruh Allah s.w.t kepada manusia, maka Allah s.w.t telah memerintahkan para malaikat a.s dengan firman-Nya ”bersujudlah kamu semua kepadanya” iaitu sujud *tahiyah* dan *takrim*, bukan sujud ibadat dan *taqdis*.¹²¹

¹¹⁹ Rujuk kertas kerja *Tarbiyah Rūhiyah Dalam Membentuk Generasi Unggul*, h. 3.

¹²⁰ Dimaksudkan dengan sujud di sini bukanlah menyembah, tetapi sujud sebagai penghormatan. Surah al-ijr 15 : 29.

¹²¹ idd q , Teungku Muhammad Hasbi al- (2000), *Tafsīr al-Qur’ān al-Majīd al-Nūr*, jilid 3, cetakan kedua, Semarang: Pustaka Rizki Putra, h. 2175.

Menurut Muhammad Na b al-Rif ' , Allah s.w.t telah menceritakan rancangan penciptaan Nabi Adam a.s kepada para malaikatnya sebelum Allah s.w.t menjadi dan memuliakan Nabi Adam a.s dengan memerintahkan para malaikat bersujud kepada-Nya. Allah s.w.t juga menceritakan tentangan Iblis yang menjadi musuh Nabi Adam a.s. Iblis adalah termasuk dalam golongan malaikat, tetapi kerana sifat dengki, ingkar, kufur dan takbur serta bangga diri dengan kebatilan menyebabkan ia sengaja melanggar perintah Allah s.w.t.¹²²

Oleh itu, Islam memberikan penumpuan yang serius dalam mendidik ruhani kerana melalui tarbiyah inilah akan bertunjangnya keimanan yang mendalam dan aqidah yang kukuh di dalam seorang muslim.¹²³ Di antara amalan yang boleh memberi peningkatan dan kesuburan di dalam pembersihan rohani adalah seperti solat pada waktu malam atau *qiyāmullail*¹²⁴ serta melakukan amalan-amalan sunat yang lain, seperti menunaikan ibadat solat, berpuasa, berzikir, membaca Qur' n dan sebagainya.¹²⁵

Tarbiyah ini dapat diperhatikan dengan jelas pada diri Rasulullah s.a.w setelah dilantik sebagai rasul dengan turunnya surah *al-Muddaththir* yang menyuruh agar Rasulullah s.a.w bangkit untuk berdakwah kepada manusia. Maka bermulalah satu sesi dakwah yang penuh dengan pelbagai cabaran. Bermacam bentuk gelaran diberikan kepada baginda sehingga menyebabkan Rasulullah yang merupakan manusia biasa merasa gementar. Sejurus daripada itu, baginda pulang dan mengarahkan isterinya

¹²² Rif ' , Muhammad Na b al- (1999), *op. cit.*, jilid 2, h. 987.

¹²³ Rujuk kertas kerja Projek Pustaka Alaf Azhari Manhal PMRAM, h. 5.

¹²⁴ *Ibid.*

¹²⁵ Rujuk amalan r hiyah dalam laman web <http://www.muis.gov.sg/webpub/warita/warita1-98/desk.html>

Khadijah r.a agar menyelimutinya. Bagaimanapun, turunnya ayat dari surah *al-Muzzammil* yang mengarahkan agar baginda bangkit untuk *mentaqarrubkan* diri kepada Allah s.w.t dengan melaksanakan solat malam, membaca al-Qur' n, berzikir dan bermunajat kepada-Nya. Sebenarnya rahsia dari pengarahannya terdapat pada ayat yang ke empat dari surah tersebut, iaitulah sebagai *zād* (bekalan) untuk memikul risalah Islam yang amat berat.

Pengkaji dapat memerhatikan dengan jelas tarbiyah ruh dalam peperangan Badar al-Kubr yang berlaku dalam bulan Rama n dalam keadaan umat Islam sedang berpuasa, di mana kekuatan kebendaan, material, tentera dan senjata bukanlah faktor utama yang menentukan kemenangan. Sebaliknya kekuatan aq dah dan hubungan kukuh dengan Allah s.w.t yang menjadi penentu kepada kemenangan. Tarbiyah ini juga dapat disaksikan dalam peperangan Salib, di mana Salahuddin al-Ayy b telah menyusun dan membahagikan tentera mengikut bahagian masing-masing. Beliau hanya meletakkan muslim yang mempunyai *tarbiyah rūhiyyah* yang mantap seperti menunaikan *qiyāmullail* sahaja untuk mengambil tempat di bahagian hadapan dalam saf peperangan.

2.5.3 Tarbiyah Kemasyarakatan (تربية إجتماعية)

Ijtimā'iyah bermaksud kemasyarakatan atau sosial. Sebagai seorang muslim yang berada di tengah-tengah masyarakat, kita wajar melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan sebelum berkecimpung dalam medan tersebut. Bagi memperkukuhkan lagi pengetahuan tersebut, *tarbiyah ijtimā'iyah* berperanan mendidik seseorang muslim

dalam memberikan khidmat latihan, *ta'lim*, bimbingan, nasihat dan sebagainya. Setiap muslim juga perlu sentiasa istiqamah dan komited dalam menjalankan gerak kerja dakwah dan berkemahiran dalam merancang uslub dan strategi dakwah secara berkesan.¹²⁶ Firman Allah s.w.t :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَرْكَعُوا وَاسْجُدُوا وَاعْبُدُوا رَبَّكُمْ وَافْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ ﴿٧٧﴾ وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ ؕ هُوَ اجْتَبَاكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي
الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ؕ مِلَّةَ أَبِيكُمْ إِبْرَاهِيمَ ؕ هُوَ سَمَّاكُمُ الْمُسْلِمِينَ مِنْ قَبْلُ وَفِي هَذَا لِيَكُونَ
الرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيْكُمْ وَتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ ؕ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ
وَاعْتَصِمُوا بِاللَّهِ هُوَ مَوْلَاكُمْ فَنِعْمَ الْمَوْلَىٰ وَنِعْمَ النَّصِيرُ ﴿٧٨﴾

Maksud : *Wahai orang yang beriman, ruku'lah kamu, sujudlah kamu, sembahlah Tuhan kamu dan perbuatlah kebajikan, supaya kamu mendapat kemenangan. Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah s.w.t dengan jihad yang sebenar-benarnya. Dia telah memilih kamu dan dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan. (Ikutilah) agama orang tuamu, iaitu Ibrahim a.s. Dia (Allah s.w.t) telah menamai kamu sekalian orang muslim dari dahulu,¹²⁷ dan (begitu pula) dalam (al-Qur'an) ini, supaya Rasul s.a.w itu menjadi saksi atas dirimu dan supaya kamu semua menjadi saksi atas segenap manusia. Maka dirikanlah solat, tunaikanlah zakat dan berpeganglah kamu pada tali*

¹²⁶ Rujuk kertas kerja *Tasawwur Tarbiyah Islamiyah* oleh Yahya Othman.

¹²⁷ Maksudnya ialah dalam kitab-kitab yang telah diturunkan kepada para nabi a.s sebelum perutusan Nabi Muhammad s.a.w.

*Allah s.w.t, kerana Dia adalah pelindung kamu. Maka Dialah sebaik-baik pelindung dan sebaik- baik penolong.*¹²⁸

Teungku Muhammad Hasbi al- idd q berkata dalam tafsirnya, ayat ini merupakan suatu ayat yang merangkumi segala keutamaan yang menggerakkan muslim untuk melaksanakannya. Solat adalah suatu ibadat dan ibadat pula adalah suatu kebajikan. Semua itu dilakukan bagi memperolehi kemenangan. Menurutya lagi, laksanakanlah solat dengan sebaik-baiknya dan sembahlah Allah s.w.t dengan mengikuti segala perintah dan menjauhi larangannya, serta melaksanakannya segala kebajikan, sama ada kebajikan itu untuk dirinya sendiri atau orang lain, seperti menghubungkan silaturrahim, berbakti kepada orang tua dan berbudi mulia.¹²⁹

2.5.4 Tarbiyah Akal (تربية عقلية)

'*Aqliyyah* berasal daripada kalimah Arab iaitu '*aqal*. Tarbiyah ini mendidik dan mengajar manusia agar memimpin akal untuk berfikir, memberikan pandangan dan idea, tafiqquh dalam ilmu serta boleh merancang berlandaskan sumber-sumber utama. Melalui tarbiyah ini, seseorang muslim dituntut supaya :

- a. Melatih akal supaya boleh berfikir dan merancang kepentingan gerakan.
- b. Menghindarkan diri dari budaya taqlid kepada orang lain atau orang terdahulu.

¹²⁸ Surah al-Hajj 22 : 77 – 78.

¹²⁹ idd q , Teungku Muhammad Hasbi al- (2000), *op. cit.*, jilid 3, cetakan kedua, h. 2716.

- c. Mendidik akal supaya mengkaji sumber-sumber syariah dan melatih diri supaya mengaplikasikannya berdasarkan keperluan dan kesesuaian semasa.
- d. Melatih mendengar dan meraikan pandangan ahli dan mempertimbangkan pandangan tersebut berlandaskan kaedah asas Islam.
- e. Senantiasa menjadikan sumber asas Islam sebagai bahan perbincangan.
- f. Melatih diri menguasai *mahārah al-tafkīr* (kemahiran berfikir) dan mengembangkan pemikiran tersebut dengan sebaiknya.¹³⁰

Pada pandangan pengkaji, kepentingan akal tidak perlu dipertikaikan lagi, di mana manusia mendapat kedudukan yang terpuji di sisi Allah s.w.t dan ditakliffkan sebagai khalifah Allah s.w.t di bumi adalah disebabkan adanya akal pada manusia yang membezakannya dengan makhluk yang lain. Al-R z meriwayatkan, Imam Malik pernah ditanya oleh khalifah Har n al-Rasy d tentang bukti kewujudan Allah s.w.t, dan beliau menjawab: “Buktinya ialah setiap manusia telah dikurniakan mulut dan lidah yang hampir sama kejadiannya, tetapi bahasa, suara dan intonasi setiap orang daripada mereka adalah berbeza.”

2.5.5 Tarbiyah Fizikal (تربية جسمية أو بدنية)

Tarbiyah jismiyyah atau *badaniyyah* dikenali juga sebagai 'tarbiyah fizikal'.¹³¹ Ia bertujuan mendidik ahli supaya mempunyai fikiran yang cerdas dan memiliki fizikal yang sihat melalui latihan jasmani dan riadah yang dianjurkan oleh Islam, seperti berlari,

¹³⁰ Rujuk kertas kerja Taswwur Tarbiyah Islamiyah oleh Yahya Othman, h. 6.

¹³¹ *Ibid.*, h. 7.

berenang, menunggang, bersenam dan lain-lain yang bersesuaian dengan adab Islam.¹³²

Melalui tarbiyah ini, individu muslim akan mempunyai badan dan fizikal yang sihat. Kekuatan fizikal dan kebolehan berfungsi pada bila-bila masa yang diperlukan sudah tentu tidak akan membantutkan gerak kerja Islam. Kekuatan fizikal juga boleh menjana kekuatan jama'ah kerana perjuangan jama'ah dapat dipelbagaikan.¹³³ Firman Allah s.w.t di dalam surah al-Baqarah :

وَقَالَ لَهُمْ نَبِيُّهُمْ إِنَّ اللَّهَ قَدْ بَعَثَ لَكُمْ طَالُوتَ مَلِكًا قَالُوا أَنَّى يَكُونُ لَهُ الْمُلْكُ

عَلَيْنَا وَخَنُ أَحَقُّ بِالْمُلْكِ مِنْهُ وَلَمْ يُؤْتَ سَعَةً مِّنَ الْمَالِ قَالَ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَاهُ

عَلَيْكُمْ وَزَادَهُ بَسْطَةً فِي الْعِلْمِ وَالْجِسْمِ وَاللَّهُ يُؤْتِي مَلَكَهُ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ

عَلِيمٌ

Maksud : Nabi mereka mengatakan kepada mereka: "Sesungguhnya Allah s.w.t telah mengangkat Ṭālūt menjadi rajamu." Lalu mereka menjawab: "Kenapa Ṭālūt yang memerintah kami, sedangkan kami lebih berhak mengendalikan pemerintahan daripadanya, malah Ṭālūt juga tidak dikurniakan dengan kekayaan yang cukup banyak?" Nabi mereka berkata: "Sesungguhnya Allah s.w.t telah memilih rajamu dan menganugerahkannya dengan ilmu yang luas dan tubuh yang perkasa." Allah s.w.t memberikan pemerintahan kepada sesiapa sahaja yang

¹³² Rujuk tarbiyah jismiyah dalam laman web <http://www.muis.gov.sg/webpub/warita/warita1-98/desk.html>.

¹³³ Rujuk kertas kerja *Tasawwur Tarbiyah Islamiyah* oleh Yahya Othman, h. 7.

*dikehendaki-Nya dan Allah s.w.t Maha Luas Pemberian-Nya lagi Maha Mengetahui.*¹³⁴

Teungku Muhammad Hasbi al- idd q menyatakan bahawa Nabi amuw l menjawab respon negatif kaumnya tentang perlantikan l t sebagai raja baru mereka kerana beliau memiliki beberapa keistimewaan, antaranya ialah kerana fitrahnya, memiliki pengetahuan yang luas yang diperlukan untuk mentadbir pemerintahan, sihat jasmani dan sempurna fizikalnya serta mendapat taufiq daripada Allah s.w.t yang diperlukan untuk mentadbir.¹³⁵

Menurut Syed Qu b dalam *Tafsīr fī Zilāl al-Qur'ān*, l t adalah seorang yang telah dipilih oleh Allah s.w.t untuk menjadi pemerintah. Beliau dikurniakan dengan ilmu yang luas dan tubuh yang perkasa. Allah s.w.t juga telah menyatakan dalam firman-Nya bahawa Allah s.w.t memberikan pemerintahan (kekuasaan) kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya.¹³⁶

Berdasarkan penjelasan di atas dapatlah disimpulkan bahawa kecerdasan fizikal amat penting kerana akal yang sihat hanya terdapat pada fizikal yang sihat sahaja. Dengan fizikal yang sihat, seseorang berupaya untuk melakukan aktiviti harian dengan cekap dan bertenaga tanpa rasa penat yang keterlaluan. Di samping itu, dia juga mempunyai tenaga yang cukup untuk menjalankan aktiviti yang memerlukan tenaga dan menghadapi cabaran apabila timbulnya kecemasan. Pada tahun 1948, Pertubuhan

¹³⁴ Surah al-Baqarah 2 : 247.

¹³⁵ idd q , Teungku Muhammad Hasbi al- (2000), *op. cit.*, jilid 1, cetakan kedua, h. 429.

¹³⁶ Syed Qu b (2000), *op. cit.*, jilid pertama, h. 317.

Kesihatan Sedunia (WHO) menganjurkan Persidangan Kesihatan Sedunia kali pertama, di mana kesemua 54 orang wakil negara sebulat suara menerima usul bahawa 'kesihatan' bermakna sihat daripada aspek fizikal, mental dan sosial, dan bukan sekadar terbebas daripada penyakit, kecacatan dan kecederaan sahaja.

2.5.6 Tarbiyah Politik (تربية سياسية)

Al-siyāsah atau politik dalam Bahasa Arab berasal daripada perkataan *sāsa*, *yasūsu*, dan *siyāsah*, iaitu mengatur dan memimpin.¹³⁷ Oleh itu, dikatakan *sāsa al-dābbah au al-fars* (binatang atau kuda mengatur urusan), jika binatang atau kuda tersebut mencari makanan dan minumannya sendiri, juga berlatih dan melakukan kebersihan sendiri.¹³⁸ Menurut al-Qara wi, makna tersebut adalah makna asal yang kemudian digunakan untuk mengungkapkan politik bagi manusia. Setelah terbiasa dengan politik binatang tersebut, ia kemudian berkembang menjadi politik manusia dan usaha mereka dalam mengatur segala urusannya.¹³⁹ Zulqarnain Hassan menukikan dalam disertasi beliau bahawa perkataan *siyāsah* merupakan kata terbitan (masdar) daripada kata dasar *sāsa*, *yasūsu siyāsah*.¹⁴⁰ Dari segi bahasa, ia digunakan secara meluas merangkumi segala tindakan yang mendatangkan kebaikan.¹⁴¹ Sementara komentator *Kamus Tāj al-Arūs* mengatakan, perkataan *al-siyāsah* dapat diertikan kiasannya seperti dalam contoh berikut:

¹³⁷ R z , Muhammad bin Ab Bakr bin Abd al-Qad r al- (1995), *Mukhtar al-Sihāh*, Bayr t: Maktabah Lubnan Nasyirun, h. 135.

¹³⁸ Qara wi, Y suf al- (2009), *Agama dan Politik: Wawasan-Ideal dan Menyanggah Kekeliruan Pemikiran Sekular-Liberal*, terj. Ibn Sham, cetakan pertama, Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise, h. 12.

¹³⁹ *Ibid*, h. 13.

¹⁴⁰ R z , Muhammad bin Ab Bakr bin Abd al-Qad r al- (1995), *op. cit.*, h. 135.

¹⁴¹ Zulqarnain Hassan dan Mohamad Zaidi Abdul Rahman (2008), *Wanita Sebagai Calon Pilihan Raya: Suatu Perbahasan Dari Sudut Siyāsah Syar'iyah*, cetakan pertama, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h. 2.

sastu al-ra'iyah siyāsah (saya mengatur rakyat menggunakan politik) ketika saya memerintah dan melarang rakyat. Sedangkan kata berikut *wa sasa al-amru siyāsah* (menyelesaikan persoalan menggunakan politik) dan *al-siyāsah* di sini berarti melakukan sesuatu yang akan mendatangkan kebaikan.¹⁴²

Sedangkan dalam buku '*Ma'rifah Ulūm al-Siyāsah*' yang diterbitkan oleh Universiti Kuwait daripada sebuah ensiklopedia hasil karya Robert, *al-siyāsah* diertikan sebagai suatu disiplin ilmu tentang organisasi sosial kemasyarakatan. Sementara dalam *Kamus al-Kāmil* dikatakan bahawa politik berkenaan dengan kekuasaan dan pentadbiran dalam masyarakat awam. Tetapi jika kita melihat dalam *Ensiklopedia al-Ulūm al-Ijtimā'iyah* secara eksplisit dikatakan bahawa politik adalah 'segala aktiviti manusia yang berkaitan dengan penyelesaian pelbagai konflik dan menciptakan keamanan bagi masyarakat. Bagi mencapai tujuan itu, politik tidak dapat dipisahkan dengan kekuatan atau pun usaha lain yang bersifat keras'. Berbeza dengan *al-Mu'jam al-Qānūnī* yang mendefinisikan *al-siyāsah* sebagai 'dasar atau disiplin ilmu yang membahaskan cara mengatur pelbagai persoalan yang bersifat umum'.¹⁴³

Sementara *siyāsah* menurut buku '*Konsep Siyāsah Syar'iyah Dalam Harakah Islāmiyah*' bermaksud perintah, iaitu apabila menyuruh dan menegah. Sekiranya sesuatu perkara itu menyuruh atau menegah daripada syara', maka dinamakan sebagai *siyāsah syar'iyah*. Manakala *siyāsah* itu dinamakan sebagai *siyāsah 'aqliyah* sekiranya perkara

¹⁴² Lihat perbincangan kata *sūs* dalam kamus *Taj al-Arūs*, jilid IV, Bayrūt: Dār al-Andalūs, h. 169.

¹⁴³ Qarāwī, Yusuf al- (2009), *op. cit.*, cetakan pertama, h. 13.

yang menyuruh atau menegah itu adalah mengikut keputusan akal.¹⁴⁴ Sementara dalam konteks tarbiyah pula, terdapat satu tarbiyah yang dinamakan sebagai *tarbiyah siyāsah*. Tarbiyah ini bertujuan mendidik muslim agar mempunyai pandangan dan penilaian yang tepat terhadap suasana politik yang wujud di sekeliling.¹⁴⁵ Tarbiyah ini memberikan perhatian kepada pembentukan bangsa daripada pengabdian diri kepada ideologi dan fahaman kepada pengabdian diri kepada Allah s.w.t. Ia menitikberatkan perkara berkaitan hukum hakam, peraturan daulah, hubungan kerajaan dengan pihak musuh, hubungan sesama muslim, hubungan dengan golongan non muslim dan sebagainya. Justeru itu, gabungan *tarbiyah siyāsah* dan agama perlu dibina agar tidak berlaku pemisahan antara tarbiyah dalam Islam. Melalui tarbiyah ini, seseorang itu diharap mempunyai sifat-sifat berikut :

- a. Mempunyai kesedaran dan sensitiviti dalam membebaskan bumi Islam daripada kuasa kuffar (kafir) dan munafiq.
- b. Menampilkan hubungan baik dengan pemerintah dan golongan non muslim dalam negara, di samping berusaha menyampaikan dakwah secara bijaksana kepada mereka dengan *wasīlah* dan *uslūb* yang pelbagai.
- c. Mempunyai pengisian dan maklumat tentang perntadbiran dan pengurusan negara serta menjalinkan hubungan dengan masyarakat dalam negara.
- d. Berkemampuan menggunakan kemahiran ahli yang pelbagai untuk tujuan pembinaan negara.

¹⁴⁴ Annuar Salleh (2000), *Konsep siyāsah Syar'iyah Dalam Harakah Islāmīyah.*, cetakan pertama, Selangor: Penerbitan Teras Bakti, h. 99.

¹⁴⁵ Rujuk *tarbiyah siyāsah* dalam laman web <http://www.muis.gov.sg/webpub/warita/warita1-98/desk.html>

- e. Berkebolehan merancang aktiviti dan tindakan selaras dengan kehendak syariat.

Kesimpulannya, manusia berhajat kepada politik sebagaimana berhajatnya manusia kepada agama. Ini kerana politiklah yang mengatur urusan kehidupan manusia, sama ada individu atau masyarakat. Tanpanya, kehidupan manusia akan pincang dan manusia gagal mentadbir serta menguruskan alam ini dengan sebaiknya sebagaimana yang dikehendaki Allah s.w.t. Justeru itu, kelemahan pada politik akan menyebabkan negara Islam akan tergadai dan hak asasi manusia juga akan turut tergugat.

2.5.7 Tarbiyah Thaqaifiyah (تربية ثقافية)

Pada asalnya, masyarakat Islam yang beraqidah adalah terpelihara daripada terpengaruh dengan serangan daripada musuh Islam yang terdiri daripada golongan *mustasyriqīn*, kristianisasi, Yahudi dan sebagainya. Tetapi kini umat Islam seolah-olah sudah hilang kekuatan setelah fahaman dan ideologi sesat ciptaan Barat telah meresap masuk ke dalam amalan masyarakat Islam. Keadaan ini bertambah parah apabila umat Islam sendiri tidak berusaha untuk meluaskan *thaqāfah* mereka dengan bersungguh-sungguh bagi mengatasi masalah ini, malah banyak bergantung dan menerima secara *taqlīd* apa yang didengar dan disampaikan kepada mereka melalui sumber yang diragui kesahihannya. Justeru itu, Sa' d aww melalui kitab beliau yang bertajuk '*Jundullah Thaqaḥfatan wa Akhlāqan*' dan '*Thaqaḥfah al-Dā'iyah* karangan Yusuf al-Qara wi¹⁴⁶

¹⁴⁶ Rujuk kertas kerja *Ringkasan Kepada Kitab 'Jundullah Thaqaḥfatan wa Akhlāqan'*, Ibn Mansor (2000), h. 3.

telah membahagikan *thaqāfah* yang perlu dimiliki oleh setiap orang Islam. Antaranya ialah ilmu *usūl al-Thalāthah*,¹⁴⁷ *al-Kitāb* dan ilmu-ilmunya, al-Sunnah dan ilmu-ilmunya, usul Fiqh, ilmu-ilmu Islam secara teori dan praktikal,¹⁴⁸ sejarah umat Islam dan ketamadunan Islam, ilmu-ilmu Bahasa Arab, cabaran dan konspirasi,¹⁴⁹ ilmu-ilmu *mu'āsharah* (semasa)¹⁵⁰ dan *fiqh al-Da'wah* dan 'amal.¹⁵¹

2.5.8 Tarbiyah Akhlak (تربوية خلقية)

Akhlak meliputi seluruh kehidupan manusia. Akhlak berasal dari perkataan Arab dan jama'nya ialah "*khuluq*", yang bermaksud perangai, budi, tabiat dan adab. Akhlak terbahagi kepada dua jenis, iaitu akhlak yang mulia (*akhlak mahmūdah*) dan akhlak yang buruk (*akhlak mazmūmah*). Seorang penyair Mesir yang terkenal, Syauq Bei ada menyatakan: "*Sesuai bangsa itu akan kekal selagi mereka berakhlak. Apabila akhlak sesuatu bangsa itu lenyap, maka lenyap pulalah sesuatu bangsa itu*".

¹⁴⁷ Ilmu *usūl al-Thalāthah*, ialah ilmu tiga usul, iaitu Allah s.w.t, Rasul s.a.w dan Islam.

¹⁴⁸ Al-Qur'ān dan al-Sunnah terkandung di dalamnya semua perkara, seperti aqidah, akhlak, perundangan dan sebagainya. Perbincangan terhadap ilmu-ilmu ini meluas dari zaman sahabat seterusnya zaman tabi'in hingga ada di antara mereka faqih dalam bidang aqidah, feqah dan seumpamanya. Maka dengan ini, ilmu Islam dipecahkan kepada tiga bahagian utama: aqidah, feqah dan akhlak. Untuk menguasai ilmu-ilmu ini, Sa'd aww telah mencadangkan orang Islam mempelajari kitab-kitab tentang aqidah, iaitu kitab *aqā'id* (Hassan al-Bann), *Kibrū al-Yaqūniyat* (Sa'd Rama'n al-B t), *Jawāhirul Kalāmiyah* (al-Jaz'ir) dan sebagainya; perkara Fiqh, iaitu kitab *Tārīkh Tasyrī'* (al-Khu'ari) dan matan-matan fiqh serta syarahnya berpandukan mazhab-mazhab yang muktabar; dan perkara akhlak, iaitu *Risālah al-Khusyairiyah*, kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* dan risalah *Mustarsyidīn* dan seumpamanya.

¹⁴⁹ Rujukan untuk mengetahui perancangan dan usaha pihak musuh ialah kitab *al-Tabsyir wa al-Isti'mar, al-Ittijāhat al-Waṭaniyyah al-Adāb al-'Arabi al-Mu'āsar, Al-Takhlīl al-Isyīsiyāqi, Brutukūlat Hukamā' Sihyūni* dan *Thaqāfah al-Islāmiyyah Khasāisuhā*.

¹⁵⁰ *Tarbiyah thaqāfiyyah* turut menyempurnakan *thaqāfah* muslim dengan memberikan gambaran tentang Islam secara umum, rukun-rukun Islam, sistem ekonomi Islam, masyarakat Islam, sistem askar dan politik, tarbiyah Islamiyah dan fikrah yang bertentangan dengan Islam.

¹⁵¹ Kitab cadangan Sa'd Haww mengenai Fiqh al-Da'wah dan 'amal ialah *Manhaj al-Inqilāb al-Islāmi* oleh al-Maududi, *Ma'ālim fi al-Tarīq* oleh Syed Qu'ub, *Wāqi' al-Muslimīn wa Sabīl Nuhūd bihim* oleh al-Maududi, *Rasā'il* oleh Hassan al-Bann, *Musykilāt al-Da'wah wa al-Dā'iyyah* oleh Fathi Yakan dan *Muqāwamah al-Sirriyyah fi Qanāti al-Sues*.

Menurut al-Ghazali, akhlak yang mulia terbahagi kepada 4 perkara, iaitu bijaksana, memelihara diri dari sesuatu yang tidak baik, keberanian (menundukkan kekuatan hawa nafsu) dan bersifat adil. Jelas beliau lagi, akhlak merangkumi sifat-sifat seperti berbakti pada keluarga dan negara, hidup bermasyarakat dan bersilaturahim, berani mempertahankan agama, senantiasa bersyukur dan berterima kasih, sabar dan redha dengan kesengsaraan, bercakap benar dan sebagainya. Masyarakat dan bangsa yang memiliki akhlak yang mulia adalah penggerak ke arah pembinaan tamadun dan kejayaan yang diredhai oleh Allah s.w.t.¹⁵²

Kesimpulan, tarbiyah akhlak mampu mendidik akhlak manusia menjadi akhlak yang mulia, iaitu akhlak yang diredhai oleh Allah s.w.t. Akhlak ini hanya dapat diwujudkan dengan mendekati diri kepada Allah s.w.t dengan mematuhi segala perintahnya dan meninggalkan segala larangannya, mengikuti ajaran dari sunnah Rasulullah s.a.w, mendekati diri untuk mendekati yang ma'ruf dan mencegah diri menjauhi perkara munkar, sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surat Ali-Imran, ayat 110 yang bermaksud "*kamu adalah umat yang terbaik untuk manusia, menyuruh kepada perkara yang ma'ruf dan mencegah daripada perkara yang mungkar, dan beriman kepada Allah s.w.t*".

2.6 Wasilah Tarbiyah

Wasilah bermaksud segala sesuatu yang boleh mencapai kepada sesuatu. Wasilah berasal daripada perkataan Arab, iaitu *wasala*, kata jama' bagi *wasīlah* ialah *wasā'il*,

¹⁵² Rujuk Akhlak Islamiyah dalam laman web <http://www.miv-zone.co.cc/2009/01/apa-itu-akhlak.html>.

wasīl dan *wusūl* yang bermaksud sebab yang mendekatkan kepada orang lain, perantaraan atau jalan.¹⁵³ Menurut R h Ba'albak , wasīlah bermakna *wasītah, adāt* atau *sabīl* yang bermaksud *means, medium, agency, instrumentality, instrument, agent, device, implement, tool, expedient, resource, way, access* dan *channel*.¹⁵⁴ Menurut istilah *Usūliyyīn* pula, *wasīlah* ialah jalan yang membawa kepada *maslahah* (kebaikan) dan *mafsadah* (keburukan). Dengan kata lainnya bermakna jalan yang membawa kepada tercapainya sesuatu maksud.¹⁵⁵

Terdapat pelbagai *wasīlah tarbiyah* yang khusus dalam Islam yang boleh membawa kepada kesempurnaan tarbiyah dan membentuk keperibadian muslim dan masyarakat. Antaranya ialah program *usrah*, iaitu satu perjumpaan khusus yang diadakan secara tertutup dan dihadiri oleh ahli sahaja mengikut peringkat yang tertentu dengan silibus yang tertentu di setiap peringkat dalam bilangan yang kecil dan terhad. Sementara *madrasah* pula lebih kepada program ilmiah yang mempunyai pengisian fikrah Islamiyah dengan tajuk yang tertentu dan diadakan secara tertutup serta khusus kepada muslim tertentu sahaja. Ia juga boleh dikategorikan sebagai *usrah* gabungan, tetapi mempunyai agenda dan pengisian yang berbeza daripada *usrah* yang biasa diadakan. *Qiyāmullail (katībah)* pula ialah satu program yang menghimpunkan beberapa *usrah* sebagai satu kelompok jama'ah untuk mempersiapkan diri dengan bekalan tambahan tentang perjuangan, ketahanan dan kesabaran. Pengisian program tertumpu kepada *tarbiyah rūhiyyah*, muhasabah, motivasi jihad dan aktiviti fizikal.

¹⁵³ Hussain bin Unang (1994), *op. cit.*, cetakan pertama, Kuala Lumpur: Dar al-Fikir, h. 1112.

¹⁵⁴ R h Ba'albak (2004), *op. cit.*, cetakan ke-18, Bayrut: Dar al-Ilmi li al-Mal y n, h. 1234.

¹⁵⁵ Annuar Salleh (2000), *op. cit.*, cetakan pertama, Selangor: Penerbitan Teras Bakti, h. 141.

Sementara program lawatan (*rehlah tarbawiyah*) pula lebih menekankan aktiviti *badaniyyah* yang dilakukan secara amali dan dimulakan dari terbit fajar hingga solat far u maghrib, di mana seseorang muslim dapat bergerak bebas, beriadah, membuat latihan, mendidik sifat sabar, berlapar dan dahaga yang jarang dilakukan dalam program *usrah* dan *katibah*. Dalam program perkaderan (*tamrīn tarbawī*) pula, seseorang ahli pada setiap peringkat akan dilatih dan dididik untuk menghadam dan mencernakan isi kandungan pengisian usrah di samping menguji dan memantapkan pencapaian ahli menerusi kuliah dasar, latihan amali dan modul-modul yang bersesuaian.¹⁵⁶ Selain itu, program perkhemahan atau jambori (*mukhyyam tarbawī*) pula merupakan satu program perkhemahan bermalam¹⁵⁷ yang melibatkan ahli *usrah*.¹⁵⁸ Ia biasanya diadakan di pulau, pantai, hutan, gunung dan seumpamanya selama dua hingga tiga hari atau lebih.¹⁵⁹ Tujuannya ialah untuk melatih ahli membiasakan diri dengan latihan fizikal dan mampu memikul tugas dakwah dan tarbiyah.

Selain itu, ahli juga wajar mengikuti latihan kemahiran (*daurah tadrībiyyah*) dan seminar atau konvensyen (*nadwah tadrībiyyah*) yang diadakan bagi menambahkan lagi kefahaman dan kemahiran. *Wasīlah tarbiyah* lain yang dianjurkan oleh Islam termasuklah majlis berbuka puasa secara berjama'ah (*ifṭār jamā'ī*), perhimpunan bulanan (*ijtimā' tarbawī*), majlis ilmu (*liqā' al-fikrī*), perhimpunan agung (*mu'tamar*) dan kelas pengajian agama (*tafaquh fī al-dīn*).¹⁶⁰

¹⁵⁶ Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan Badan Perhubungan PAS Negeri Perak (2008), *Manual Tarbiyah Ahli-Ahli PAS Perak (MATAR)*, Perak: Badan Perhubungan PAS Perak, h. 12.

¹⁵⁷ *Ibid.*, h. 13.

¹⁵⁸ Rujuk kertas kerja Manhaj Tarbiyah IPT, h. 3.

¹⁵⁹ Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan Badan Perhubungan PAS Negeri Perak (2008), *op.cit.*, 13.

¹⁶⁰ *Ibid.*

2.7 Masalah Dalam Tarbiyah

Setiap gerakan Islam di dunia akan berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan sepanjang melaksanakan gerak kerja Islam. Ini kerana kebanyakan negara Islam dijajah oleh Barat dalam tempoh yang begitu lama. Mereka bukan sahaja mengambil kekayaan negara, malah berusaha melakukan *ghazwah al-fikrī* ke atas pemikiran, kebudayaan, cara hidup dan cara berpolitik umat Islam agar menyeleweng daripada Islam. Oleh itu, umat Islam disarankan agar kembali kepada agama tersebut dan mengikuti acuan tarbiyah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan setiap gerakan Islam yang berhasrat merealisasikan visi dan misi tersebut sebenarnya berhadapan dengan pelbagai masalah dalam melaksanakan tarbiyah, sama ada masalah tersebut berbentuk dalaman atau luaran. Dato' Yahya Othman menyatakan antara masalah yang sering berlaku dalam jama'ah Islam ialah penerapan budaya dakwah dalam kalangan ahli. Oleh itu, beliau mencadangkan agar ahli menuntut ilmu sesuai dengan tahap masing-masing. Perintah menuntut ilmu dan menyampaikan dakwah adalah tugas yang diwajibkan dalam Islam. Masalah juga berlaku akibat pendekatan tarbiyah yang kurang sesuai. Oleh itu, pendekatan yang digunakan mestilah mengikut acuan Islam sebagaimana yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w.¹⁶¹

Fathi Yakan semasa menghuraikan golongan yang tercicir di sepanjang jalan dakwah menjelaskan bahawa masalah yang berlaku adalah berpunca daripada tiga faktor yang utama, iaitu berpunca daripada *ḥarakah* (gerakan), ahli dan suasana sesuatu tempat

¹⁶¹ Yahya Othman (2009), '*Amal Jamā'ī: Pengertian dan Tuntutannya*', cetakan kedua, Selangor: Dewan Pustaka Fajar, h. 25-32.

(faktor luaran). Masalah yang berpunca daripada gerakan berlaku akibat kelemahan sistem tarbiyah, tidak meletakkan seseorang di tempat yang sesuai, tidak membahagikan kerja-kerja jama'ah, tidak mengambil berat tentang ahli, tidak menyelesaikan masalah yang berlaku dengan segera, masalah dalaman jama'ah dan pimpinan yang dilantik tidak layak memimpin. Manakala masalah yang berpunca daripada ahli pula, ialah seperti tabi' yang tidak tetap (menyertai jama'ah kerana sesuatu sebab), takut berlaku sesuatu ke atas diri dan pendapatan, ekstrim dalam sebarang tindakan atau melebihi keupayaannya, bermudah-mudah dan longgar dalam urusan agama, tertipu dengan kedudukan, sikap suka menonjol diri dan cemburu kepada orang lain. Sementara masalah yang berpunca daripada faktor luaran ialah seperti tekanan ujian, tekanan keluarga, tekanan persekitaran, gerakan-gerakan yang bertopengkan Islam dan sikap talam dua muka.¹⁶²

2.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, *tarbiyah Islamiyah* adalah tarbiyah yang paling sempurna kerana memiliki acuan yang tersendiri dan terpelihara daripada sebarang anasir yang boleh merosakkan. Ciri-ciri istimewa yang ada pada *tarbiyah Islamiyah* menjadikan tarbiyah itu terus relevan dengan perubahan masa. Terdapat beberapa bentuk tarbiyah dalam Islam, iaitu tarbiyah iman, ruh, fizikal, politik, ilmu dan akhlak. Kesemua tarbiyah ini saling lengkap melengkapi antara satu sama lain dalam mencapai matlamat umum dan khusus tarbiyah melalui pelbagai *wasīlah tarbiyah*, seperti *usrah*, *usrah gabungan (madrasah)*, *qiyāmullail (katībah)*, lawatan (*reḥlah tarbawiyah*), program perkaderan (*tamrīn*

¹⁶² Fathi Yakan (2001), *Golongan Yang Tercicir Di Sepanjang Jalan Dakwah*, trj. Md. Akhir Yaacob, cetakan ke-4, h. 63-153.

tarbawī), perkhemahan atau jambori (*mukhayyam tarbawī*), latihan kemahiran (*daurah tadrībiyyah*), majlis berbuka puasa secara berjama'ah (*iftā' jamā'ī*) dan sebagainya. Walau bagaimanapun, beberapa masalah turut berlaku sepanjang melaksanakan wasilah tersebut yang berpunca daripada pelbagai faktor.